



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

# **KANDUNGAN**

## **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

## **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997

(Ruangan 12)

Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997

(Ruangan 41)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “      Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “      Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “      Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “      Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “      Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “      Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “      Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “      Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “      Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “      Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “      Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “      Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

Puan Chua Soon Bui (Tawau)

“ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

“ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

“ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

“ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Tuan Henryus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

“ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

“ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

“ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

“ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
"	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
"	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
"	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
"	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
"	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
"	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
"	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
"	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
"	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
"	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
"	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
"	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat      Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “                      Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “                      Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                      Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                      Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                      Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “                      Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                      Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                      Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                      Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                      Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                      Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                      Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                      Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                      Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                      Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                      Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                      Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                      Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                      Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                      Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                      Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                      Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                      Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “                      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA****DEWANRAKYAT****Rabu, 30 April 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Timbalan Yang Pertua (Tuan Ong Tee Keat)***mempengerusikan Mesyuarat]***JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI****PERTANYAAN-PERTANYAAN****GURU BAHASA MANDARIN DI SRB (CINA)  
DI SARAWAK - KEKURANGAN**

**1. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan terkini bagi:

- (a) kekurangan guru-guru bahasa Mandarin di SRB (Cina) di seluruh negara kita dan di Sarawak; dan
- (b) jumlah guru-guru yang tidak tahu bahasa Mandarin, yang mengajar di SRB (Cina) di negara kita dan di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kekurangan guru-guru bahasa Mandarin di SJK(C) di seluruh negeri ialah 1,492 orang dan di negeri Sarawak ialah 208 orang.
- (b) Seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Pendidikan, bahasa pengantar di SJK(C) adalah bahasa Mandarin, namun demikian kursus seperti Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris perlulah diajar dalam bahasa masing-masing. Bilangan guru yang tidak fasih dalam bahasa Mandarin dan mengajar kursus Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di SJK(C) di seluruh negara ialah 3,611 orang dan di Sarawak ialah 910 orang.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai masalah kekurangan guru-guru bahasa Mandarin di Sekolah Rendah Bantuan (Cina), apakah langkah-langkah akan diberikan oleh kerajaan untuk mengatasi situasi ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang peka

tentang masalah ini dan telah melaksanakan beberapa program untuk meramaikan guru-guru bahasa Mandarin, ini termasuklah memperluaskan bilangan calon yang akan diambil masuk ke maktab perguruan dilatih sebagai guru bahasa Mandarin. Kita juga akan terus mengizinkan guru-guru bahasa Mandarin yang bersara kalau mereka berminat untuk terus berkhidmat di sekolah-sekolah secara kontrak.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, maktab perguruan di Seremban pada akhir-akhir ini telah berhenti dari mengambil pelajar atau guru pelatih untuk mengikuti kursus dalam bahasa Mandarin. Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah guru pelatih yang sedang mengambil kursus di dalam bahasa Mandarin dan sama ada guru-guru yang bertauliah dalam bahasa Mandarin telah dihantar untuk mengajar bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Mandarin?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan bercadang mengambil lebih kurang 980 orang calon untuk mengikuti aliran bahasa Mandarin di maktab perguruan pada sesi yang akan datang iaitu pada Julai, 1997. Ini memerlukan lebih kurang 32 kelas di maktab perguruan di seluruh negara. Sekiranya cukup calon semua kelas akan dibuka, tetapi malangnya pada tahun yang lepas tidak cukup calon, sungguhpun Kementerian Pendidikan sudah menyediakan kemudahan untuk aliran bahasa Mandarin. Oleh kerana tidak ada calon, jadi Kementerian Pendidikan buat sementara waktu terpaksa menghantar pensyarah-pensyarah kelas tersebut untuk bertugas di aliran-aliran yang lain. Namun demikian, jika pada tahun ini kita dapati ada calon yang mencukupi semua kelas akan dibuka dan kita berharap dengan itu akan selesailah masalah kekurangan guru-guru.

**MINYAK DAN GAS ASLI - JUMLAH HASIL  
DIPEROLEHI KERAJAAN PUSAT DAN  
NEGERI**

**2. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kewangan menyatakan penjelasan mengenai hasil yang diperolehi oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat hasil dari sumber minyak dan gas asli:

- (a) berapakah jumlah nilainya hasil yang diperolehi oleh tiap-tiap negeri dan Kerajaan Pusat dari sumber minyak dan gas; dan

- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mengagihakan hasil konsesi minyak dan gas yang dijumpai di perairan Persekutuan untuk semua negeri.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil dari sumber minyak dan gas asli yang diperolehi oleh Kerajaan Pusat adalah dalam bentuk cukai pendapatan, duti eksport dan pembayaran royalti, manakala hasil yang diterima oleh kerajaan negeri adalah dalam bentuk pembayaran royalti sahaja.

Jumlah hasil dari sumber minyak dan gas asli bagi tahun 1996 adalah seperti berikut:

Kerajaan Pusat	-	RM4,046.9 juta
Terengganu	-	RM 500.4 "
Sarawak	-	RM 363.0 "
Sabah	-	RM 83.0 "

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau, royalti dibayar kepada negeri-negeri yang mempunyai rizab minyak dan gas di perairannya sahaja, oleh itu kerajaan tidak bercadang untuk mengagihakan hasil konsesi minyak dan gas kepada lain-lain negeri.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ada carigali dibuat di negeri-negeri ataupun di kawasan perairan Persekutuan, adakah kerajaan memikirkan bahawa demi keadilan kepada negeri-negeri lain yang susah mendapat hasil ini, maka diagihkan khususnya mengenai pendapatan yang diperolehi oleh mana-mana syarikat daripada perairan Persekutuan, bukan hak negeri-negeri. Jadi, saya percaya pihak kementerian akan memikirkan soal ini. Saya juga ingin mendapat maklumat mengenai usaha-usaha carigali di perairan Kedah/Perlis ini, adakah mendapat hasil yang baik.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembahagian kawasan-kawasan perairan untuk mencarigali, tidak ada langsung perairan Persekutuan, semua perairan adalah mengikut pantai negeri-negeri di dalam Persekutuan. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, seperti yang saya sebut tadi dalam tahun 1996 pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada gas dan minyak adalah sebanyak RM4,000 juta lebih. Daripada wang ini dapatlah dimanfaatkan kepada negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor dan lain-lain negeri yang tidak ada minyak. Negeri-

negeri yang mana pantainya didapati mengeluarkan minyak adalah Terengganu, Sarawak dan Sabah hanya mendapat 5% sahaja daripada keseluruhan. Dari segi keadilan wang yang didapati dari Perbendaharaan Persekutuan ini dapat diagih semula ke negeri-negeri yang lain.

Mengenai dengan pencarian minyak di Kedah dan Perlis, setakat ini Kedah dan Perlis tidak ada, Perlis pantainya pendek sahaja [*Ketawa*] jadi kita kira Kedah dengan Perlis itu sekalilah. Setakat ini empat telaga gerudi telah digerudi di Kedah pada penghujung tahun 1980 dan awal tahun 1990an oleh pihak kontraktor PETRONAS. Setakat ini belum dapat dipastikan lagi ataupun belum dapat deposit yang boleh dikatakan komersial. Satu hari nanti Perlis pun akan mendapat spin of gas ataupun minyak dari pantai Kedah - Insya-Allah.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini di Kelantan, Perdana Menteri kita telah menyaksikan satu perjanjian dan tandatangan antara KUB dengan PKINK yang mewakili kerajaan negeri Kelantan - kerajaan Pembangkang mengenai dengan carigali gas di perairan negeri Kelantan. Soalan saya berapa peratuskah royalti yang akan diperolehi oleh kerajaan negeri Kelantan apabila hasil gas itu diperolehi dan bilakah agaknya perkara ini akan menghasilkan pendapatan kepada kerajaan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya maklumkan awal tadi, tiap-tiap negeri yang mengeluarkan gas dan minyak hanya mendapat royalti sahaja daripada 5%. Insya-Allah, kalau Kelantan didapati minyak di luar pantai Kelantan, Kelantan hanya dapat 5% di dalam bentuk royalti. Dan bilakah hendak dapat, itu wallahu'alam, kita doa sama-samalah supaya dapat. [*Ketawa*]

#### CUKAI PENDAPATAN PEKERJA ASING - JUMLAH PUNGUTAN

3. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai jumlah cukai pendapatan yang telah dipungut daripada pekerja asing di Malaysia sejak 1990:-

- (a) berapakah jumlah cukai pendapatan yang dibayar oleh pekerja asing mengikut tahun dan negara asal mereka; dan
- (b) apakah anggaran cukai pendapatan yang tidak dapat dipungut daripada pekerja asing untuk tahun 1995 dan 1996.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, sistem percukaian di negara ini tidak membezakan pekerja asing dengan pekerja warganegara Malaysia di dalam mentaksirkan pendapatan bercukai masing-masing. Cukai adalah ditaksirkan mengikut taraf pemastautin pembayar-pembayar cukai mengikut peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, bagi seseorang pekerja yang bermastautin di Malaysia, cukainya adalah ditaksirkan atas segala pendapatannya yang berpunca dari Malaysia atau diterima dari luar Malaysia. Sebaliknya, pekerja asing yang bekerja sepenuh masa di Malaysia selama lebih daripada 182 hari setahun, akan ditaksirkan sebagai pemastautin dan dikenakan cukai sepertimana lain-lain warganegara Malaysia.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak mempunyai rekod atau perangkaan mengenai jumlah pungutan cukai pendapatan bagi pekerja-pekerja asing.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan ada rancangan untuk menubuhkan satu tabung simpanan wang khas untuk pekerja asing, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai satu cara untuk menggalakkan pekerja asing menyimpan wang dalam negara kita?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada cadangan oleh kerajaan untuk menubuhkan tabung sedemikian, malah di dalam jawapan saya mengenai dengan KWSP yang lalu, pekerja asing dibolehkan menyimpan di dalam tabung KWSP tetapi tidak diwajibkan. Jadi, setakat ini tidak perlu kita wujudkan tabung, mungkin kerana keadaan-keadaan tidak memerlukan kita menubuhkan tabung. Jikalau kita hendak menahan wang pekerja asing dari keluar, saya jawab dahulu, tidak sampai masanya lagi kerana keadaan ekonomi kita cukup kuat dan cukup kukuh.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah dari segi bilangan expatriate, dengan izin, dan juga nilainya dari segi pendapatan di mana mereka telah dikecualikan oleh pihak kementerian sungguhpun bermastautin di negara kita melebihi tempoh yang ditetapkan.

Dan apakah jumlah wang yang telah masuk balik kembali ke Malaysia selepas amnesty diumumkan lebih 6 tahun lepas oleh bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menarik balik wang yang

keluar dari Malaysia pada masa itu. Sejak itu apakah jumlah wang yang telah masuk balik selepas amnesty cukai ini telah diumumkan oleh bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan, iaitu Yang Berhormat dari Merbok.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah expatriate yang ditaksirkan membayar cukai adalah sejumlah 7,672 orang, yang ditaksirkan membayar cukai iaitu yang dimasukkan di dalam kategori tidak pemastautin. Dan jumlah yang ditarik balik itu, saya minta notislah, kalau pun ada statistik itu. Tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pembalikan kepada pelaburan luar negeri, mungkin tidak kena-mengena dengan soalan Yang Berhormat, semenjak tahun 1990 sehingga 1996 adalah lebih kurang RM30 bilion pembalikan dari segi dalam bentuk dividen dan juga bayaran faedah. Dan pengeluaran ataupun pelaburan keluar negeri dibandingkan pelaburan dalam masa yang sama hanyalah RM24 bilion. Jadi, pembalikan ini adalah lebih banyak daripada pelaburan.

Dan banyak mana selepas amnesty, saya tidak dapat memberi pada masa ini. Kalau ada, saya akan beri kepada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] tidak hadir]*

#### **POLIS DIRAJA MALAYSIA DI KAWASAN TEBEDU - PEMBESARAN**

**5. Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang akan diambil untuk memperbesarkan Polis DiRaja Malaysia di kawasan Tebedu, dari segi fizikal (balai polis, tempat tinggal) dan keanggotaan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sebuah balai polis baru di Tebedu telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dengan peruntukan berjumlah RM4.5 juta. Skop yang dicadangkan meliputi kerja-kerja pembinaan sebuah bangunan balai polis dan rumah kediaman kelas F (2 unit) dan kelas G (16 unit). Pada masa sekarang kerja-kerja pembinaan masih belum bermula kerana masalah mendapatkan tapak yang sesuai masih belum diatasi.

Dari segi keanggotaan, setakat ini belum ada rancangan penambahan yang dicadangkan di kawasan ini.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini, kalau tidak silap saya, pada bulan Disember, racial riot telah berlaku di negara jiran iaitu di Kalimantan Barat dan semasa racial riot ini beberapa orang rakyat Indonesia, dari Kalimantan Barat khususnya, telah dapat melarikan diri ke Sarawak melalui pos sempadan Tebedu. Jadi, soalan saya, seandainya racial riot ini berlaku sekali lagi, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pelarian-pelarian ini tidak dapat masuk ke Sarawak?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tugas pasukan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang untuk sentiasa mengawal dan meronda di semua sempadan, terutamanya tempat-tempat strategik di mana ianya akan jadi pintu keluar masuk. Dan apabila sekiranya ada sesuatu kejadian berlaku, pihak berkuasa, terutamanya polis perlu lebih bersiap sedia dan tempat-tempat yang akan berlaku itu sepatutnya dironda dan dikawal dengan lebih baik. Memang kadangkala perkara di luar dugaan itu berlaku, kita tidak boleh seratus peratus full prove sentiasa dapat mengawasi semua keadaan, tetapi di mana perlu, kita akan membaiki keadaan di semua tempat yang dikatakan strategik itu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri berapa banyakkah kekosongan dalam anggota pasukan polis, sama ada di peringkat pegawai ataupun peringkat other rank, dengan izin. Dan apakah tindakan pihak kementerian untuk mengisi kekosongan ini supaya police force mempunyai keanggotaan yang cukup lengkap?

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, bilakah Balai Polis Daerah Yan ini hendak dibina? Sudah dekat 5 tahun, sampai hari ini tidak nampak rupa, batu asas pun tidak letak lagi. Jadi, bila agak-agaknya? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa soalan bahagian yang kedua itu terkeluar, sebab itu tidak ada kena-mengena dengan Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak apalah, soalan bahagian yang pertama itu boleh jadi. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tempat yang berkenaan itu di Serian.

**Dato' Ong Ka Ting:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan bahagian pertama pun

ada terkeluarlah daripada soalan [Ketawa] kerana soalan ditanya hanya Tebedu. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana soalan itu begitu spesifik, angka yang dipinta itu memang minta maaf, saya tidak dapat beri sekarang. Pada keseluruhannya memang kita masih memerlukan anggota polis di semua peringkat yang berkualiti dan yang layak.

Memang adalah satu hakikat di mana pada masa sekarang ini pemuda-pemudi yang lebih layak dan lebih berkualiti itu nampaknya kurang minat kalau dibandingkan pada masa dahulu untuk menjadi anggota polis. Dalam pada itu, usaha telah pun diadakan oleh Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia untuk menggalakkan, terutamanya memperkenalkan sistem kepolisan ini kepada pemuda-pemudi, terutamanya mereka yang masih di bangku sekolah, seperti mereka yang berada di sekolah menengah atas dan universiti supaya mereka benar-benar faham dan benar-benar terima bahawa perkhidmatan polis ini adalah satu perkhidmatan yang membanggakan, begitu bermakna, begitu boleh berkhidmat kepada negara dan masyarakat dengan penting. Jadi, ceramah-ceramah serta kempen-kempen melalui saluran lain itu memang sedang diusahakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran] tidak hadir]

#### TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA - INFRASTRUKTUR

**7. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) kemudahan, kelengkapan, perkhidmatan teknikal dan insentif kewangan yang disediakan oleh Taman Teknologi Malaysia; dan
- (b) syarat yang perlu dipenuhi untuk menyertai program Taman Teknologi Malaysia dan berapa syarikat telah beroperasi di Taman Teknologi dan apakah kemajuan mereka memuaskan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:-

- (a) Di antara kemudahan dan perkhidmatan teknikal yang disediakan oleh Taman Teknologi Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Pusat Inovasi (Inovation Centre);
- (ii) Pusat Inkubator (Incubator Centre);
- (iii) Rumah Usahawan (Enterprise House);
- (iv) Lot Penyelidikan dan Pembangunan (R&D Lot);
- (v) Pusat Sumber (Resource Centre);
- (vi) Pusat Perdagangan (Commercial Centre);
- (vii) Pusat Rekreasi (Recreation Centre);
- (viii) Pusat Prototaip dan Pengeluaran (Prototype Production Centre);
- (ix) Pusat Teknologi Maklumat dan Multimedia (IT & Multimedia Centre);
- (x) Pusat Latihan (Training Centre).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pembayaran bagi kemudahan dan perkhidmatan yang diberi oleh Taman Teknologi Malaysia pada masa ini adalah sederhana sahaja dan lebih rendah dari kadar pasaran yang sebenarnya. Setakat ini Taman Teknologi Malaysia tidak mempunyai insentif kewangan yang khusus bagi menarik syarikat-syarikat tenan.

- (b) Di antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menyertai program Taman Teknologi Malaysia adalah seperti berikut:
  - (i) syarikat-syarikat berkenaan hendaklah melibatkan aktiviti dalam bidang teknologi tinggi, seperti teknologi maklumat, bioteknologi dan bahan-bahan terkini;
  - (ii) syarikat-syarikat berkenaan hendaklah mengusahakan bidang Penyelidikan dan Pembangunan dalam bidang berkenaan; dan
  - (iii) boleh memberi tumpuan kepada pembangunan produk atau proses yang boleh dipasarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini bilangan syarikat yang telah menyertai Program Taman Teknologi Malaysia ialah 46 buah dan kemajuan mereka setakat ini adalah memuaskan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah menubuhkan satu institusi yang

dilengkapi dengan kemudahan dan juga persekitaran yang amat conducive untuk kerja kreatif seperti R&D. Soalan tambahan saya ialah jenis industri apa atau bidang apa yang akan diberi keutamaan untuk menyertai program Technology Park Malaysia.

Dan apakah perancangan Technology Park Malaysia untuk berdikari atau sustainable dalam sumber kewangan kelak?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mentakab. Sebenarnya apa-apa jua yang ada kaitan dengan teknologi tinggi (hi-tech) memanglah diberi peluang, itulah tempat-tempatnya diberi kawasan-kawasan untuk dibuat yang ada kaitan dengan Research & Development (R&D) dan kemudahan-kemudahan tanah ini memang sudah diberi di tempat ini.

Dari segi kewangan pula, ini bergantunglah kepada keupayaan syarikat itu nanti, dia boleh memohon di bawah Intensified Research in the Priority Areas (IRPA), ada fundnya, RM1 bilion lebih untuk Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah peranan Taman Teknologi Malaysia ini dalam konsep Multimedia Super Corridor, sama ada kilang-kilang di Taman Teknologi Malaysia ini akan diberi insentif setaraf seperti Bill of Guarantee yang setanding dengan kilang-kilang di Multimedia Super Corridor?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Multimedia Super Corridor ini, taman ini sendiri masuk di bawah the cyber city, kawasannya 15 x 50 kilometer. Kalaulah Yang Berhormat ada syarikat-syarikat yang mempunyai minat untuk membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan research and development atas perkara-perkara yang mempunyai teknologi tinggi, maka mereka boleh membuat permohonan dan akan diberi kemudahan-kemudahan di Taman Teknologi ini. Ini satu tempat yang begitu canggih, dan insya-Allah, saya akan cuba membawa semua Ahli Yang Berhormat untuk melawat satu hari nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 8, dengan sedikit pembetulan, baris 6 'mereka tidak buruk' ditambah dengan 'mereka tidak kurang buruk'. Terima kasih.

## PEMANDU DALAM TEMPOH PERCUBAAN- KECEKAPAN DAN DISIPLIN

8. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana Jabatan Pengangkutan Jalan mensyaratkan pemandu yang baru lulus ujian memandu (P) tidak boleh melakukan kesalahan dalam tempoh percubaan, ada juga pihak yang memutuskan untuk tidak memandu langsung dalam tempoh berkenaan dan ini bermakna lesen mereka akan kekal bersih, sedangkan mereka tidak kurang buruk daripada mereka yang pernah terlibat dalam kemalangan. Bagaimanakah JPJ dapat mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini tujuan pengenalan lesen memandu percubaan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Lesen Memandu 1996 ini pada asasnya adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan dan disiplin pemandu-pemandu berkenaan.

Sepertimana kita semua termaklum, apabila seseorang pemandu tersebut berada dalam tempoh percubaan, maka pemandu ini akan memandu dengan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab untuk mengelakkan daripada melakukan kesalahan. Tindakan dan sikap sedemikian akan dengan sendirinya dapat meningkatkan lagi tahap kemahiran memandu dan disiplin. Maka dengan itu, tindakan seseorang pemandu yang berada dalam tempoh percubaan yang dengan sengaja tidak ingin memandu semata-mata untuk memastikan rekod lesen memandunya bersih, hanyalah merugikan diri sendiri.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kawal selia terhadap pemegang lesen memandu merangkumi semua pemandu dan tidak terhad kepada dua tahun pertama sahaja semasa tempoh percubaan dikenakan kepada pemandu yang baru lulus ujian memandu (percubaan).

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak berfaedah bagi pemegang lesen memandu percubaan memutuskan untuk tidak langsung mahu memandu dalam tempoh ditetapkan semata-mata kerana mahu mengekalkan rekod memandu yang bersih. Di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) (KEJARA) 1997, semua pemandu adalah dikawal selia selagi mereka memegang lesen memandu yang sah. Sekiranya mereka mempunyai tabiat memandu yang buruk,

lambat laun mereka akan tetap menghadapi hukuman tertentu kerana melakukan kesalahan, termasuklah penggantungan ataupun pembatalan lesen. Sekian.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar ura mengenai kurikulum baru yang akan dikenakan kepada pemandu-pemandu yang baru yang akan belajar dan apakah rasional kurikulum baru ini?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Larut. Memang benar JPJ baru-baru ini mengadakan satu kajian menyeluruh, iaitu usaha untuk menggubal satu kurikulum latihan teori dan amali bagi pegawai-pegawai JPJ dan juga termasuk pengajar-pengajar pemandu dan juga kepada semua orang yang ingin mendapatkan lesen Public Service Vehicle (PSV), dengan izin, dan juga DGL dan juga satu kurikulum baru yang merupakan latihan semula bagi pesalah di bawah KEJARA. Memang benar JPJ telah pun membuat kajian dan baru tamat kajian ini. Cadangan ini telah pun disampaikan kepada Kementerian Pengangkutan untuk membuat keputusan, dan rasionalnya pada pendapat kementerian sistem kurikulum latihan baru ini adalah untuk mewujudkan satu sistem latihan yang lebih sistematik dan berkesan selaras dengan usaha kerajaan untuk melahirkan pemandu-pemandu yang lebih berhemat dan berdisiplin di jalan raya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, setelah tempoh percubaan dikenakan kepada pemandu-pemandu baru mulai Januari 1997, saya ingin tahu berapakah keseluruhannya lesen di bawah (P) ini dikeluarkan, mengikut negeri kalau boleh. Di samping itu, adakah tindakan pembatalan telah dibuat dalam tempoh sehingga ke tarikh hari ini ke atas pemilik lesen (P) dan apakah jenis-jenis kelas yang dikategorikan di dalam kategori lesen (P) ini?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelevu. Mengenai sistem Lesen Memandu Percubaan dua tahun ini, oleh kerana ia baru mula pada 1hb. Januari tahun ini, maka setahu kementerian tidak lagi terdapat orang-orang ataupun pemandu-pemandu yang memegang lesen percubaan ini disaman, oleh kerana Kementerian Pengangkutan telah pun mengarah supaya JPJ di setiap negeri memberi peluang kepada orang-orang yang baru lulus ujian memandu supaya mereka memberi sedikit masa untuk mempamerkan tanda (P) di depan-belakang kereta, maka tidak dapat saya jawab berapa kes yang telah disaman, saya percaya tidak ada.

Bagi soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mulai 1hb. Januari, 1997 hingga 19hb. Mac, 1997 sejumlah 32,784 lesen memandu percubaan telah pun dikeluarkan kepada pemandu-pemandu yang lulus ujian memandu di seluruh negara, kecuali di Sabah dan Sarawak oleh kerana bagi dua negeri ini sistem baru hanya dilaksanakan pada 1hb. April tahun ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang) tidak hadir]*

#### **IPP - JUMLAH DILULUSKAN DAN EKUITI BUMIPUTERA**

10. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa buahkah IPP yang sudah diluluskan dan peratus ekuiti yang dipegang oleh bumiputera dan sebutkan jumlah megawatt semuanya yang dibeli oleh TNB.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 7 IPP telah diberi lesen di Semenanjung Malaysia dan lima daripadanya sudah pun beroperasi. Baki dua IPP akan beroperasi masing-masing pada tahun 1998 dan 2000. Dari segi penyertaan ekuiti daripada lima IPP yang telah beroperasi, sebanyak 40% adalah dipegang oleh bumiputera. Jumlah kapasiti terpasang bagi kelima IPP yang sedang beroperasi adalah sebanyak 4,112 megawatt.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan tahap kerajaan kita dalam usaha mengeksportkan kepakaran orang tempatan dalam pembinaan IPP di pasaran antarabangsa?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya beberapa syarikat Malaysia telah pun melibatkan diri untuk membina IPP di negara-negara yang tertentu. Jumlahnya saya tidak mempunyai angka yang tepat sekarang.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masih lagi terdapat banyak kampung di pedalaman yang belum mendapat bekalan elektrik, yang mana mereka ini mengharapkan bantuan elektrik luar bandar yang peruntukannya begitu terhad. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mensyaratkan kepada syarikat-syarikat IPP yang mana mengaut keuntungan yang

begitu besar untuk memberi sumbangan 'cross subsidy' bagi menyelesaikan masalah bekalan api di luar bandar?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, penjualan tenaga elektrik dari IPP kepada Tenaga Nasional adalah berasaskan kepada perjanjian yang telah pun dipersetujui dan ditandatangani. Walaupun demikian, semua pihak termasuklah IPP telah pun berunding walaupun mereka secara rela bersetuju untuk memberi sumbangan 1% dari segi, dengan izin, total turnover yang dijual kepada grid nasional. Sumbangan ini ialah berasaskan social responsibility yang memasukkan juga bekalan elektrik ke luar bandar.

#### **JAMBATAN MENGHUBUNGKAN PULAU LANGKAWI DAN TANAH BESAR - CADANGAN PEMBINAAN**

11. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah mungkin sebuah jambatan dibina bagi menghubungkan Langkawi dengan tanah besar. Kalau ya, bila agaknya mungkin dapat dijadikan kenyataan. Kalau tidak, apakah sebabnya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan belum ada cadangan untuk membina jambatan yang menghubungkan Pulau Langkawi dengan Tanah Besar. Kerajaan juga tiada menerima sebarang cadangan dari mana-mana pihak swasta untuk membina jambatan ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan jambatan. Jadi, maknanya ada kaitan soalan ini walaupun tidak berkait, memang boleh, nanti Tuan Yang di-Pertua kata tidak bersangkutan pula. Fasal jambatan ada di situ.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jambatan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, jambatan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kerajaan akan membuat coastal road daripada Perlis, Kedah, Butterworth dan kemudian akan dibina juga mungkin terowong ataupun jambatan daripada Butterworth ke Pulau Pinang. Jadi, adakah perkara ini dalam perancangan kerajaan. Kalau ya, bilakah jalan ini dapat dibina?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan satu projek sahaja

sekarang iaitu jalan sisir pantai dari Taiping ke Banting. Selain daripada itu, kita tidak ada apa-apa cadangan sekarang. Saya percaya jikalau ada juga apa-apa cadangan, ini adalah dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu sahaja, kementerian saya boleh mendapat tindakan-tindakan atas pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, cadangan-cadangan dari....dari mana, Sungai Petanikah?

**Seorang Ahli:** Limbang.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Perlis, saya percaya kita tidak mempunyai cadangan seperti itu, tetapi kita ada juga cadangan untuk menyambung Kangar dengan jalan Lebuhraya Utara-Selatan yang sedia ada sekarang. Ini dalam pembinaan sekarang.

#### **INTRAKOTA - PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DI LEMBAH KELANG**

**12. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada perkhidmatan pengangkutan di Lembah Kelang akan menjadikan Intrakota syarikat perkhidmatan pengangkutan memonopoli sepenuhnya sektor pengangkutan awam di Lembah Kelang menjelang tahun 2000, berikutan dengan proses memansuhkan sepenuhnya perkhidmatan bas-bas mini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang menyatakan bahawa Syarikat Intrakota Consolidated Bhd. ataupun Intrakota akan menjadi syarikat yang memonopolikan perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang adalah tidak benar. Selain daripada Intrakota, sebuah lagi syarikat bas, iaitu Park May Bhd. juga dibenarkan memberi perkhidmatan di Lembah Kelang.

Ingin juga dimaklumkan selain daripada perkhidmatan bas, terdapat juga perkhidmatan pengangkutan yang lain seperti perkhidmatan teksi dan juga perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan, LRT Star, LRT Putra, Monorail PRC dan KTM Komuter yang akan memberi saingan kepada Intrakota dan Park May. Sekian.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan dalam Dewan ini bahawa kesesakan lalu lintas boleh dikurangkan dengan adanya laluan khas bas yang telah pun diadakan di dalam kawasan Bandaraya. Soalannya ialah kalau

ini benar, adakah kerajaan bercadang akan menambahkan lagi pembinaan laluan khas bas ini di luar kawasan kota raya, terutamanya jalan-jalan yang menuju ke Bandaraya yang sekarang ini semakin lama semakin sesak dan supaya pengangkutan awam yang pergi di luar bandaraya ini lebih cepat. Jadi, memudahkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam daripada membawa kereta sendiri ke dalam Bandaraya.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, lorong bas ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa melihat kepada keperluan. Tempat-tempat dan cadangan untuk mengadakan laluan di kawasan luar bandar juga akan dikaji oleh kementerian.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab yang sebenarnya pihak berkuasa memansuhkan perkhidmatan bas-bas mini yang berkenaan.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keputusan untuk menamatkan perkhidmatan bas mini di Bandaraya Kuala Lumpur ini merupakan satu keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan pada bulan September 1993, memandangkan kerana perkhidmatan mereka pada masa itu, kita mendapat banyak aduan yang mana mereka tidak mengikut laluan mereka, mereka banyak zig-zag, dengan izin, banyak memberi masalah kepada penumpang-penumpang.

Jadi, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu perkhidmatan yang lebih baik, lebih selesa kepada penumpang-penumpang di Kuala Lumpur, sebab itulah pada 1993 kerajaan telah membuat keputusan untuk mengganti perkhidmatan bas mini kepada Intrakota dan Park May.

#### **KES ROGOL KANAK-KANAK - BILANGAN**

**13. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) bilangan kes rogol yang melibatkan kanak-kanak bawah umur dalam tahun 1995 dan 1996; dan
- (b) bilangan kes rogol yang melibatkan bapa dengan anak atau persaudaraan rapat dalam tahun 1995 dan 1996 dan sama ada kerajaan bercadang hendak meminda undang-undang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap perogol, termasuk mengembiri perogol jika perlu.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes rogol yang melibatkan kanak-kanak bawah umur bagi tahun 1995 ialah 604 kes dan bagi 1996 ialah 719 kes.
- (b) Bilangan kes rogol yang melibatkan bapa dengan anak atau persaudaraan rapat dalam tahun 1995 ialah 147 kes dan pada tahun 1996 ialah 135 kes.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang supaya dikenakan hukuman yang lebih berat terhadap perogol pula, kerajaan memang meneliti dan membuat penilaian ke atas perkara ini dari masa ke semasa berasaskan undang-undang berkaitan dan jika perlu kerajaan akan meminda undang-undang tersebut.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada undang-undang yang keras, yang kita akan wujudkan tidak lama lagi, saya rasa perogol-perogol seperti ini adalah salah seorang yang menghadapi sakit jiwa, adakah kerajaan berhasrat untuk menghantar semua kes-kes seperti ini kepada doktor sakit jiwa?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya telah difahamkan, apabila seseorang itu melakukan jenayah, mereka itu tentu disiasat dan selepas disiasat, kalau mereka didapati melakukan kesalahan dengan tidak ada buktinya yang dia sakit jiwa, tentu doktor ataupun hospital tidak menghantar beliau ke rumah sakit. Jadi, oleh kerana itu tidaklah perlu menghantar kesemua perogol itu ke rumah sakit.

**Dato' Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan daripada jumlah kes-kes yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa terdapat banyak kes rogol di kalangan kanak-kanak di bawah umur. Adakah kementerian membuat kajian mengapa banyak kes rogol di bawah umur dibandingkan dengan kes-kes rogol yang tidak melibatkan kanak-kanak di bawah umur.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul iaitu kes-kes rogol yang melibatkan kanak-kanak memang banyak, misalnya yang di bawah umur 16 tahun adalah 58.6 kes, jadi, oleh kerana itu kementerian memang ada menjalankan kajian tetapi kajian ini pada masa ini memang bukan hanya kajian sahaja tetapi sebuah jawatankuasa pun telah ditubuhkan supaya dapat mengenal pasti bukan sahaja kes-kes rogol tetapi juga kes-kes yang lain yang melibatkan masalah sosial dapat dikenal pasti. Perkara ini masih lagi dalam perbincangan oleh jawatankuasa tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]*

#### **PELAJARAN AGAMA DALAM PMR, SPM, STPM - MEWAJIBKAN**

**15.Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau berhasrat untuk mengisytiharkan pelajaran agama sebagai mata pelajaran yang wajib di peringkat PMR, SPM dan STPM supaya pelajar-pelajar dari berbilang kaum dapat menyesuaikan diri dengan ajaran agama yang murni.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pelajaran agama selain dari Pendidikan Agama Islam tidak ada dalam kurikulum kebangsaan. Untuk pelajar-pelajar bukan Islam, mata pelajaran Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang merangkumi nilai-nilai universal semua agama adalah diwajibkan. Kursus ini merupakan satu mata pelajaran teras di peringkat SPM.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah pihak Kementerian Pendidikan tidak mahu memperuntukkan satu sen pun untuk pengajian agama Buddha, Christianity ataupun agama-agama lain selain daripada agama Islam untuk pelajar-pelajar yang bukan Islam kerana pengajian agama adalah perlu untuk menangani dan mengatasi gejala sosial yang dihadapi oleh pelajar daripada semua kaum bukan sahaja pelajar-pelajar yang beragama Islam. Apakah sebab dan rasional sikap diskriminasi oleh Kementerian Pendidikan ke atas agama-agama bukan Islam?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan bukan sahaja tidak ada diskriminasi, kita ada satu dasar yang terbuka seperti yang saya telah jelaskan untuk pelajar-pelajar bukan Islam kita ada mata pelajaran Pendidikan Moral di mana nilai-nilai universal yang merangkumi semua agama itu adalah diwajibkan dan ianya merupakan satu mata pelajaran teras di peringkat SPM.

Selain daripada itu pengelola institusi pendidikan bantuan kerajaan juga boleh kalau mereka ingin menyediakan kemudahan untuk pengajaran agama lain selain dari agama Islam dengan menggunakan usaha-usaha mereka sendiri, dengan syarat bahawa murid yang mengikuti pengajaran selain dari agama yang dianuti itu tidak diizinkan kecuali dengan keizinan bertulis dari ibu bapa mereka.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada permasalahan di kalangan pelajar sekolah pada hari ini memang agak merunsingkan. Jadi, saya ingin bertanya, adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kurikulum pelajaran agama ini supaya apa yang diajar di sekolah-sekolah benar-benar akan dapat dihayati oleh pelajar-pelajar baik dari segi bangsa Melayu yang beragama Islam ataupun lain-lain agama supaya sekurang-kurangnya permasalahan dan kegawatan sosial ini dapat dibendung daripada sekolah lagi.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu yang telah membangkitkan satu persoalan yang amat bererti. Tujuan Kementerian Pendidikan mengadakan kursus Pendidikan Agama Islam dan juga Pendidikan Moral ialah untuk mempertingkatkan dimensi connective pelajar-pelajar itu supaya mereka sedar tentang pengajaran agama dan tentang pengajaran moral dengan harapan bahawa selepas dimensi connective itu telah dipertingkatkan itu akan diterjemahkan atau di'translate'kan dalam cara-cara kehidupan atau dalam dimensi-dimensi emotional atau dimensi-dimensi yang lain itu. Itulah harapan kita dan kita haraplah kalau kita memperluaskan pengajaran ini akhirnya ia akan diterjemahkan ke dalam satu keadaan di mana masalah sosial yang lain itu, yang bertentangan dengan pengajaran itu dapat dikurangkan. Dalam konteks ini kita perlu juga selain dari pihak sekolah, kita perlu juga bantuan sokongan dari pihak ibu bapa dan dari pihak yang lain itu supaya bersama-sama kita boleh mengatasi masalah atau cabaran ini.

#### AMANAH RAYA BERHAD - WANG DAN HARTA YANG TERKUMPUL

**16. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah wang dan nilai harta yang terkumpul oleh Amanah Raya Berhad dan bagaimanakah wang dan harta ini dilaburkan untuk mendapat faedah yang maksimum kepada mereka yang terbabit dan terlibat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 25hb. Mac tahun ini wang harta amanah serta harta pusaka yang telah terkumpul di bawah Amanah Raya Berhad berjumlah RM600 juta.

Wang dan harta amanah ini dilabur mengikut peruntukan Akta Pemegang Amanah 1949 yang

memberi garis panduan berkenaan pelaburan oleh syarikat-syarikat amanah. Berdasarkan kepada garis panduan tersebut, Amanah Raya Berhad telah membuat pelaburan berbentuk ekuiti, stok kerajaan, hartanah dan juga simpanan bank mengikut pecahan berikut:-

Ekuiti	-	30%
Stok kerajaan	-	40%
Hartanah	-	17%
Simpanan bank	-	13%.

Pecahan pelaburan yang ditetapkan berdasarkan kepada perakuan Jawatankuasa Pelaburan Amanah Raya Berhad, di samping memaksimumkan pulangan hasil ia juga dapat mengurangkan risiko pelaburan oleh syarikat.

Oleh yang demikian, pelaburan-pelaburan yang dikawal oleh Akta Pemegang Amanah 1949 ini menjamin faedah yang maksimum kepada mereka yang terlibat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Beberapa Ahli:** [Menyamuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Padang Terap tidak takut, semua ini takut bagi pihak! [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Jangan merapu hah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat! Jangan jadikan ini satu tabiat Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Muka tak malu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya baik, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kecenderungan bagi pihak yang menguruskan syarikat-syarikat amanah ini ialah untuk mengejar wang dan faedah sahaja tanpa mengira faktor-faktor yang lain dan kalau sedar apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan semua syarikat amanah dapat menjalankan tugasnya dengan baik untuk memelihara kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak ...

**Seorang Ahli:** Apa soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak habis lagi, ini sambungan kepada soalan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, huraian itu tak perlu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak perlu, ya!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong dia tidak teliti soalan. Ini, kita bukan bercakap mengenai syarikat-syarikat Amanah di Labuan ataupun di Persekutuan, ini adalah Amanah Raya Berhad, hanya satu sahaja syarikat. Jadi, *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua....

**Seorang Ahli:** Mr. Bean kalah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau soalan itu terkeluar.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak terkeluar, satu pun satu juga. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tetapi dia merujuk kepada syarikat-syarikat Amanah yang berpuluh-puluh, yang ini kita cakap Amanah Raya Berhad, satu sahaja!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebagai ibarat, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Mr. Bean tidak fahamlah. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Hei, ibarat pasal apa? *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Sebagaimana yang termaklum bahawa Syarikat Amanah Raya Berhad adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pelaburannya yang tertakluk pula kepada akta iaitu satu struktur pelaburan yang memastikan risiko yang tidak begitu tinggi dan juga di dalam masa yang sama untuk memaksimumkan pulangan kepada pelaburan yang saya sebut tadi.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Amanah Raya Berhad akan diswastakan supaya mereka yang terlibat akan mendapat ganjaran yang lebih?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi ada rancangan untuk diswastakan. Ianya telah di'corporatise'kan dan beroperasi pada 1hb. Ogos 1995 dan setakat ini belum ada cadangan untuk diswastakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing.

*[Soalan No. 17 - Y.B. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu) tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan terakhir, nombor 18. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Itu belum tahu lagi. *[Ketawa]*

#### SEKOLAH - JUMLAH TAPAK PEMBINAAN DIRIZABKAN

**18. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah tapak yang sudah dirizabkan untuk pembinaan sekolah; dan
- (b) sejauh manakah sekolah-sekolah tersebut dapat dibina dengan segera.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Permohonan untuk merizabkan tapak tanah bagi pembinaan sekolah dibuat mengikut keperluan dalam sesuatu rancangan pembinaan pembangunan lima tahun. Kelulusannya adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri berkenaan sama ada tanah kerajaan atau tanah milik persendirian. Sehingga ini sejumlah 10,002 tapak telah dimohon milik untuk projek-projek pendidikan di samping beberapa tapak lagi yang sedang atau dimohon oleh Kementerian Pendidikan.
- (b) Bagi tapak-tapak yang telah dimohon milik, hampir kesemuanya projek dirancang telah dapat dibina mengikut jadual. Kementerian Pendidikan akan mengeluarkan surat kuasa kepada agensi-agensi pelaksana iaitu JKR. Bagi pihak agensi pelaksana akan mengambil masa selama 18 bulan bagi peringkat perancangan hingga ke peringkat tender, manakala tempoh pembinaan projek mengambil masa lebih kurang dua tahun.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.....

**Seorang Ahli:** Yang akhir.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Kita dapat lihat dalam setiap projek perumahan sememangnya ada dirizabkan untuk dijadikan sebagai tapak sekolah tetapi malangnya setiap kali apabila projek perumahan itu siap, penduduk sudah

pindah kita dapati sekolah masih lagi tidak siap. Jadi, ini satu masalah yang sentiasa dibangkitkan oleh orang ramai dan saya minta penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana kementerian cuba mengatasi masalah ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang adalah hasrat Kementerian Pendidikan bahawa segala keperluan untuk sekolah, sama ada sekolah rendah dan sekolah menengah akan dipenuhi dalam satu masa yang singkat. Untuk menentukan bahawa segala projek yang telah dirancang akan terus dibina dan disiapkan dalam masa yang ditentukan, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji beberapa cara termasuklah kemungkinan mengadakan cara-cara prefab dan sebagainya untuk menjimatkan masa dalam proses pembinaan dan juga kita kaji bagaimana Kementerian Pendidikan boleh bekerjasama dengan pihak-pihak pemaju supaya tapak-tapak yang dirizabkan, kita boleh menggunakan satu cara yang lebih berkesan untuk menentukan bahawa sekolah-sekolah di atas itu dapat dibina dalam masa yang singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah tamat masanya.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 6, 9, 14, 17 dan 19 hingga 47 dijilid dalam buku berasingan]*

### RANG UNDANG-UNDANG

#### **RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[29hb. April, 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri diminta sambung jawapan.

3.36 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Dewan tamat bersidang semalam, saya telah menyentuhkan soalan berkaitan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, selective prosecution, dengan izin. Soalan 'selective prosecution' di mana mengikut

beliau kerajaan mempunyai niat untuk tidak meneruskan undang-undang dengan adil dan sebagainya. Saya juga menerangkan bahawa dari segi pendirian kerajaan, kita sentiasa mengamalkan pendirian yang neutral dari segi undang-undang. Kita biarkan Peguam Negara, kita biarkan judiciary sebagai satu badan independent untuk menguruskan undang-undang, bahkan bukan sekali ada sejarah di mana pihak kerajaan telah pun dibuat kesalahan dari segi undang-undang oleh mahkamah sendiri.

UMNO misalnya, telah pun diluputkan oleh undang-undang dan begitu juga dalam pilihan raya di Sarawak, dua kes di mana pihak judiciary telah memutuskan by-election dilakukan. Ini pun keputusan yang tidak mengikut pandangan kerajaan, kita terima kerana inilah keputusan mahkamah. Begitu juga kalau kita lihat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Okay.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, nampaknya Yang Berhormat Menteri bukan sahaja pemimpin-pemimpin, ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang lain, tetapi Yang Berhormat Menteri pun tidak faham atau tidak mahu faham teras ucapan saya mengenai selective prosecution oleh Peguam Negara. Secara spesifik ialah ditujukan kepada Peguam Negara, saya tidak sebut kerajaan selain daripada kerajaan ada memberi 'blessing' adalah datang belakang dalam keputusan Peguam Negara. Saya tidak buat tuduhan itu, saya tuju spesifik bahawa Peguam Negara adalah bertanggungjawab mengenai pendakwaan mengikut Perlembagaan dan apa yang berlaku series keputusan yang kontroversial itu - tidak payah saya ulangi - sama ada pemimpin-pemimpin Pemuda, UMNO, APCET II, Yong Teck Lee, Rahim Tamby Chik atau yang lain Jeffery Kitingan menunjukkan bahawa adalah satu siri keputusan yang kontroversial, yang menunjukkan ada keputusan yang mempunyai niat jahat di mana adalah selektif pendakwaan terhadap Pembangkang dan NGO dan inilah untuk keadilan, tidak patut satu kerajaan jaga maruah Perlembagaan. Kerajaan pun patut melahirkan keprihatinan, saya tidak kata inilah kerajaan. Saya tidak pun sebut mengenai keadilan kehakiman. Saya pun tidak sebut itu, saya pun tidak menyoalkan keputusan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebab itu saya tidak sebut mengenai kes-kes yang disebut. Saya kata spesifik sahaja, 'narrow down', keputusan Peguam Negara, bukan kehakiman, bukan kerajaan. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh 'zone in' semacam apa yang saya kata.

Sebenarnya apa Yang Berhormat Menteri patut buat ialah untuk memberi penjelasan mengenai kes saya terhadap Peguam Negara oleh kerana Peguam Negara tidak ada dalam Dewan yang mulia ini. Patut dia sendiri datang tetapi tidak ada dan mengikut Constitution of Convention, perlulah terserah kepada Yang Berhormat Menteri untuk membela Peguam Negara terhadap dakwaan-dakwaan (charge) saya yang sangat serius. Apabila sebut 'charge' itu saya tahu itu sangat serius tetapi serius oleh kerana kes yang kuat. Saya harap boleh spesifik.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka, dari Jelutong, dari Tanjong sekarang. Dahulu dari Kota Melaka, sekarang dari Tanjong, apabila keputusan sesiapa pun yang tidak menyebelahi padanya selalu dikatakan tidak adil dan tidak baik. Ini tabiat yang biasa dilakukan oleh Yang Berhormat itu. Jadi, bagi kita Peguam Negara mempunyai tugas untuk menjaga kepentingan negara ini dan jikalau beliau berpendapat bahawa kes-kes itu mempunyai tuduhan yang cukup dan kukuh, ia boleh membawa pendakwaan, beliau akan berbuat sedemikian. Tetapi, sebagai seorang yang bertanggungjawab, Peguam Negara tidak boleh melakukan kes tuduhan dan sebagainya sekiranya siasatan yang dibuat oleh polis dan sebagainya tidak mencukupi. Ini asas untuk Peguam Negara menentukan adakah prosecution itu dibuat atau tidak. Jadi, dari pendirian kita, dari amalan sekarang, dari amalan biasa, pendirian ini tidak berubah. Jadi, saya berharap Yang Berhormat tidaklah ada mencemarkan integriti dan sebagainya Peguam Negara kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang yang bangun.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Saya berikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sama ada beliau sedar bahawa apabila kita mengatakan bahawa Peguam Negara mengadakan selective prosecution, di Sarawak dua Dewan Undangan Negeri terpaksa kita adakan

pilihan raya semula hanya kerana Peguam Negara telah membenarkan kes ini dibawa ke mahkamah dan kita terima apabila Hakim membuat keputusan bahawa kita terpaksa mengadakan pilihan raya semula di negeri Sarawak. Begitu juga misalnya apabila timbul kes berkenaan dengan UMNO. UMNO diharamkan apabila mahkamah membuat keputusan bahawa Pertubuhan UMNO itu diharamkan dan kita menerima hakikat ini. Jadi, sebenarnya kalau kerajaan hendak putar belit kita tidak perlu mengadakan pilihan raya di Sarawak dan mungkin kita tidak perlu menerima hakikat bahawa UMNO itu diharamkan, kalau kita hendak putar belitkan keadaan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kedudukan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya teruskan jawapan berkaitan dengan rang undang-undang yang kita bahaskan semalam.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Saya fikir Yang Berhormat dari Tanjong tidak payah membuang masa Dewan ini untuk membahaskan suatu perkara yang tidak terlibat dengan perkara-perkara yang kita bahaskan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan tawar-menawar, Yang Berhormat.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tidak boleh. Tidak bagi jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak faham lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Faham tidak faham itu bukan soalnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Yang Berhormat dari Tanjong, apabila orang lain tidak bersetuju dengan dia, memang dia kata tidak faham kerana tidak faham ialah tidak faham apa yang difikirkan dalam fikiran dia sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, beri jalan?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tidak bagi jalan fasal ini. Tidak payah lah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Takut ditunjuk tidak faham, bukan?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Sebenarnya saya faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Yang Berhormat dari Tanjong masih lagi susah hati kerana anaknya kena tuduh melakukan kesalahan. Itu yang buat dia emosi sangat ini. [Ketawa] Jadi, kita tidak payah melibatkan diri dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya teruskan dari segi jawapan berkaitan dengan rang undang-undang yang kita bahaskan dua hari yang lepas. Perkara yang pertama, soalan yang ditimbulkan ialah berkaitan dengan proses rundingan awam yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tidak dilakukan oleh kerajaan diwaktu menggubalkan undang-undang ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara gubalan ini diuruskan seperti proses penggubalan biasa yang telah diikuti di negara kita ini dan pengalaman dalam negara kita dalam bidang ini amatlah kurang. Oleh itu, kita melihat dan bantuan dari pakar-pakar asing telah pun didapati dan sebagainya. Suatu Jawatankuasa Bersama Barisan Nasional dan Pembangkang juga telah membahaskan undang-undang ini. Begitu juga saya faham bahawa Ahli Yang Berhormat sekalian memang mempunyai tanggungjawab boleh mewakili rakyat negara kita ini untuk bersama-sama membincangkan rang undang-undang ini dan kerajaan walaupun demikian mengakui bahawa proses penggubalan undang-undang khususnya undang-undang yang berasaskan cyberspace haruslah dilihat secara dinamik dan kemungkinan kita akan mengubahnya dalam masa yang akan datang.

Ini kita memberi penerangan dengan jelas, dengan sikap terbuka dan sebagainya kerana kita faham juga teknologi maklumat dan multimedia berubah dengan pesat dan kemungkinan undang-undang yang kita luluskan hari ini dengan apa-apa bentuk pun mungkin perlu diperbaiki pada masa-masa yang akan datang. Ini kita menerima, walaupun demikian buat permulaannya perlu diwujudkan langkaran asas perundangan siber negara supaya perkembangan IT negara tidak terjejas, ini tujuan kita untuk mengadakan undang-undang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, soalan penguatkuasaan Akta Jenayah Komputer juga ditanya oleh beberapa

Ahli Yang Berhormat termasuk dari Tanjong, Mentakab, Bukit Bendera, Tambun dan Jelutong yang membangkitkan persoalan berkenaan dengan aspek-aspek penguatkuasaan akta ini. Untuk makluman Dewan ini, yang pertama Juvana tidak terkecuali daripada boleh dituduh di bawah rang undang-undang ini kecuali yang berusia 10 tahun ke bawah. Tuduhan demikian akan dikendalikan di Mahkamah juvana dan prosedurnya adalah berbeza dengan mahkamah terbuka. Kuasa pendakwaraya untuk memberi keizinan mendakwa, ini diperuntukkan di Fasal 12 yang dipersoalkan, ada Ahli Yang Berhormat yang menyoalkan perkara ini tidak berkaitan dengan undang-undang jenayah komputer tetapi melarat kepada soalan-soalan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada menyentuh dari segi adakah ini berasaskan dengan prinsip, dengan izin, that a person is presume innocent until is proven guilty, while in this law it is presume to be wrong until he can prove himself are being innocent. Jadi mengikut Yang Berhormat itu, ini terpisah dari amalan prinsip undang-undang negara kita ini. Semalan Tuan Yang di-Pertua sendiri sudah memberi contoh beberapa undang-undang di negara kita ini yang sudah pun mengamalkan prinsip sedemikian, jadi ini bukanlah prinsip yang baru dalam negara kita ini. Peruntukan Fasal 12 adalah untuk memastikan bahawa pendakwaan tidak dibuat sewenang-wenangnya khususnya di peringkat bawahan tanpa kebenaran pendakwaraya sendiri sebagai pihak berkuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan kita.

Soal pencerobohan yang tidak berniat jahat juga dipersoalkan, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menceritakan kesah cubaan untuk mendapat akses kepada wang dalam bank di United States dan dalam kes itu nampaknya tiada kerugian atau kerosakan yang terhasil. Dan soalan yang timbul adakah pencerobohan itu patut dibiarkan sahaja?

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, saya tak sebut kes itu, saya tidak tahu siapa Ahli Parlimen yang bangkitkan. Penjelasan sahaja. Kes itu bukan daripada saya.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Walaupun mungkin bukan daripada Yang Berhormat, ikut nota yang diberi kepada saya ini, dia sebut nama Yang Berhormat dari Jelutong. Kalau bukan kita boleh betulkan, tetapi walaupun demikian biarlah penjelasan itu dibuat. Memanglah sudah diketahui jika sesuatu komputer dapat diceroboh, pemilik komputer akan segera mengetahui bahawa

keselamatan komputer itu perlu dipertingkatkan. Namun ini tidak mewajarkan sesiapa sahaja mencero boh dan dibenarkan mencero bohnya. Tambahan pula jika sesuatu pencerobohan dikesan di peringkat awal, siapakah yang tahu sama ada penceroboh itu berniat jahat atau tidak.

Yang keempat, tiada perbezaan bagi pesalah pertama, bagi kesalahan di bawah Fasal 3,4 dan 5 juga ada dipersoalkan dan ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau tidak silap saya dari Mentakab semalam ataupun dari Bukit Bendera. Yang sebenarnya hukuman yang diberi atau diagihkan dalam peruntukan ini ialah hukuman sama ada pesalah itu melakukan kesalahan pertama atau tidak melalui rekod penjenayah jika ada. Dan sekiranya ia adalah kesalahan pertama, saya percaya mahkamah juga akan mengenakan hukuman yang bersesuaian. Jadi, terpulanglah kepada pihak mahkamah untuk menentukannya.

Langkah-langkah yang diambil oleh polis untuk memperkuat profesional mereka bagi menyiasat kes-kes di bawah Akta Jenayah Komputer juga telah pun dilakukan oleh pihak polis negara kita ini. Mengambil langkah untuk menubuhkan satu unit khas yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang berpengetahuan dalam bidang komputer untuk menyiasat kes-kes di bawah rang undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah membangkitkan perkara ketidakadaan Akta Perlindungan Data di negara ini dan mahu supaya kerajaan membentangkan rang undang-undang bagi perkara ini dalam mesyuarat kedua penggal ini. Dan bagi tujuan ini beliau ingin mengemukakan satu draf akta berkenaan. Saya sukalah memberi penerangan, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu mengkaji keperluan Akta Perlindungan Data seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kajian yang dibuat perlulah mengambil kira undang-undang yang sedia ada bagi menilai sama ada sudah terdapat peruntukan lain untuk melindungi maklumat peribadi orang ramai. Saya fikir kerajaan memang melihat keadaan ini tidak secara terbuka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah kajian akan dibuat mengenai sama ada perlu satu Data Protection Law?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Kita akan melihat kedudukan undang-undang yang lain yang ada di negara kita ini. Jika difikirkan perlu kerajaan mengadakan kajian undang-undang untuk tujuan itu, kita rela untuk mengkaji kemungkinan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Ini bererti bahawa usaha belum dimulakan untuk buat

kajian dan bahawa kerajaan akan mengkaji perkara ini. Bolehkah dalam kajian ini pihak kerajaan menjemput pihak-pihak di sektor-sektor yang lain selain daripada jabatan-jabatan kerajaan semacam NGO, Majlis Peguam dan pengguna-pengguna supaya memberi pandangan mereka supaya kita ada satu kajian yang lebih menyeluruh.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya memang menerima macam-macam maklumat dari sesiapa pun termasuk dari pihak yang tertentu dan kerajaan juga telah pun meneliti amalan yang diadakan oleh negara-negara yang lain yang telah mempunyai pengalaman yang lebih luas daripada kita dalam hal ini. Bagi peringkat kita sekarang, kita harus juga tidak boleh mengasingkan undang-undang ini dari undang-undang lain yang ada di negara kita ini. Kemungkinan undang-undang yang ada di negara kita ini sudah merangkumi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, walaupun demikian apa yang saya terangkan dari pihak kerajaan kita bersedia untuk menerima pendirian ini dengan cara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi perkara yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat dari Tanjong sendiri juga iaitu soalan hukuman yang dikatakan berat. Yang Berhormat dari Tanjong sebenarnya berkali-kali semalam dan hari yang sebelum itu membangkitkan soal hukuman berat yang terdapat dalam rang undang-undang ini. Peruntukan dalam rang undang-undang ini bertujuan menangani suatu lingkungan kesalahan yang luas dari yang remeh sehinggalah ia begitu serius sehingga mengancam kestabilan dan keselamatan negara. Hukuman yang diperuntukkan ialah hukuman maksimum, bergantung kepada fakta kes mahkamah bolehlah mengenakan hukuman yang rendah atau berat asalkan tidak melebihi hukuman maksimum itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sendiri mengakui bahawa kerugian yang boleh dialami hasil dari jenayah yang berkaitan dengan komputer adalah sangat besar dan kerajaan wajar menunjukkan kesungguhannya dalam menangani isu jenayah komputer ini dengan mengadakan hukuman maksimum yang berat begini. Soal pengesanan dan keupayaan penguatkuasaan adalah soal yang lain di mana peningkatan keupayaan pengesanan dan penguatkuasaan itu adalah langkah selanjutnya dalam usaha kerajaan untuk menangani jenayah komputer. Jika hukuman yang dikenakan tidak dapat menjadikan si penjenayah serik hanya kerana undang-undang yang berkenaan tidak membolehkan hukuman yang cukup berat dikenakan maka segala

tenaga dan perbelanjaan yang dicurahkan untuk mengesan jenayah komputer itu akan juga menjadi sia-sia.

Ahli Yang Berhormat juga membandingkan hukuman dalam rang undang-undang ini dan saya fikir wajar diambil kira bahawa rang undang-undang di United Kingdom dibuat 7 tahun yang lalu, di Singapura pula ia dibuat 4 tahun yang lalu dan kita semua juga sudah mendengar bahawa pengalaman selepas itu beberapa kes telahpun tercetus di mana penjenayah komputer ini berlaku di negara-negara sedemikian.

Kita juga semua mungkin mendengar cerita-cerita yang menakutkan tentang keupayaan komputer di masa kini dan keupayaan seseorang untuk memanipulasikan komputer untuk niat yang jahat. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sendiri telah juga bercerita tentang tiga kes sedemikian. Kerajaan berpendapat bahawa hukuman yang diperuntukkan harus dapat menangani kesalahan-kesalahan sebegini.

Soalan 'hackers' dan 'crackers', Yang Berhormat dari Tanjong ....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** .....mahu supaya 'hackers' diberi kelonggaran supaya dimasukkan dalam rang undang-undang ini apa yang dinamakan oleh beliau 'Spiderman Clause'

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi mengenai penalti yang begitu berat, antara sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah supaya semua perbelanjaan penyiasatan yang akan begitu tinggi terhadap semua jenayah-jenayah komputer tidak disia-siakan kalau denda tidak setimpal. Adakah ini satu kriteria yang baru di mana pihak Kamar Peguam Negara atau draftman sudah menggunakan dalam menentukan penalti untuk jenayah-jenayah ialah daripada stamp point perbelanjaan dalam siasatan dan kalau begitu, ia adalah satu prosedur yang amat luar biasa dan adakah ini bererti bahawa sebenarnya penalti bukan sahaja denda tetapi pun ada penjara dan kalau seseorang dipenjarakan tentulah kerajaan tidak akan dapat satu sen pun, tak kira apa-apa perbelanjaan dalam siasatan jenayah komputer. Atau ini bererti bahawa apa yang kerajaan mahu ialah

denda? Saya tanya ini untuk menunjukkan inconsistency dalam jawapan ini. Ini tidak boleh diterima sebagai satu alasan kenapa penalti begitu tinggi.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diadakan di dalam rang undang-undang itu diadakan sedemikian rupa dan terpulanglah kepada pihak hakim untuk menentukan apakah hukuman yang patut diberi kepada pesalah-pesalah yang telah dikenakan. Itu terpulanglah kepada pihak hakim sendiri untuk menentukannya. Walaupun demikian suka saya menjelaskan, tujuan kerajaan ialah untuk meyakinkan pengguna-pengguna komputer sendiri bahawa penggunaan komputer itu dan berurusan dengan komputer adalah satu cara yang selamat. Oleh itu kita harus memberi keyakinan yang teguh sekali dan dengan keyakinan itu kita percaya mungkin rakyat dan diharap rakyat di negara kita ini juga sentiasa rela dan dengan kerelaan itu memperluaskan penggunaan komputer dan IT di negara kita ini. Ini tujuan asas dan tujuan utama kerajaan untuk menentukan hukuman yang cukup dengan juga mengambil kira pengalaman-pengalaman yang telah kita lihat dari negara-negara yang lain yang telahpun menggunakan IT yang lebih meluas daripada negara kita sekarang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan 'hackers' dan sebagainya juga dipersoalkan. Jika seseorang penceroboh itu dikesan di peringkat awal kita fikir sebelum sempat dia melakukan kesilapan yang memudaratkan amatlah mudah baginya untuk mengatakan bahawa dia seorang 'hacker' bukannya 'cracker' dan sukar untuk kita menentukan benar tidaknya dakwaan itu. Seseorang yang mungkin tidak berniat jahat masih akan menimbulkan mudarat hanya dengan mencaroboh sesuatu komputer dan memang benar dalam beberapa keadaan pencerobohan yang berlaku akan dapat menunjukkan kelemahan ciri-ciri keselamatan komputer yang berkenaan dan ini akan memberi peluang kepada tuan punya komputer untuk mengambil tindakan pembetulan atau untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan. Ini akan memberi peluang kepada tuan punya komputer untuk mengambil tindakan pembetulan atau untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan - ini kita mengakui. Namun persoalannya adakah dengan itu wajar dibenarkan sesiapa sahaja sesuka hati mencaroboh, niat seorang 'hacker' yang tidak diupah oleh tuan punya komputer yang berkenaan bukanlah untuk membantu tuan punya itu, hacker yang sedemikian biasanya semata-mata berniat

untuk membuktikan bahawa dia pandai atau berupaya mencero boh. Walaupun satu pencerobohan yang berlaku tiada niat jahat, ia masih meninggalkan perasaan tidak yakin, bukan sahaja kepada tuan punya komputer, tetapi juga kepada setiap orang yang ada kaitan dengannya. Ini bukanlah suatu yang baik dalam keadaan kita hendak menggalakkan suasana IT yang meliputi segenap lapisan masyarakat.

Mungkin Ahli Yang Berhormat sekalian sudah membaca cerita pencerobohan yang dilakukan oleh seorang belia yang mengawal setiap alat elektrik dan elektronik di sebuah rumah sehingga tuan rumah itu berada dalam keadaan ketakutan, diberitakan bahawa beliau itu tidak berniat jahat, tetapi kebetulannya kemudian menjadi tidak terkawal lagi mahupun olehnya sendiri. Jadi, kita mahu mengambil pendirian bahawa kita tidak akan membiarkan situasi demikian berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang sering disebutkan khususnya oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan juga dari Kepong ialah dalam Fasal 8 - 'Anggapan', kerana kata beliau peruntukan itu menjenayahkan majoriti pengguna komputer.

Fasal 8 hanyalah suatu fasal yang memudahkan pembuktian. Ia tidak mewujudkan suatu kesalahan. Pihak pendakwa akan perlu membuktikan terlebih dahulu bahawa ada jagaan dan kawalan tanpa kuasa. Selepas itu barulah 'Anggapan' itu dapat digunakan. 'Anggapan' itu pula masih boleh dipatahkan oleh tertuduh. Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan kebimbangan bahawa jika seseorang memiliki sesuatu yang disalin atau di 'down-load' daripada Internet, salinan yang 'down-loaded' itu akan digunakan untuk menganggapkan bahawa orang yang memiliki salinan itu telah memperolehi 'Capaian tanpa kuasa'.

Adalah diketahui bahawa jika sesuatu maklumat atau karya diletakkan di Internet, maka kemungkinannya ialah ia dapat disalin. Ertinya seseorang yang meletakkan sesuatu maklumat atau karya dalam sesuatu 'website' atau 'news group' dan sebagainya memang sedar bahawa maklumat itu akan dapat disalin. Oleh itu secara tersirat atau 'impliedly' ia bolehlah dikatakan memberi kebenaran untuk maklumat atau karya itu disalin. Dalam keadaan sedemikian, tidaklah mungkin untuk orang yang memiliki bahan daripada Internet itu dikatakan tidak diberi kuasa untuk memiliki bahan yang disalin daripada Internet. Oleh yang demikian, 'Anggapan' dalam Fasal 8 ini tidak akan dapat digunakan terhadap orang yang sedemikian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Leo Mogie anak Irok:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** 'Down-load' daripada Internet tentu Yang Berhormat Menteri tahu mengenai sejenis perisian ialah 'shareweb', 'down-load' ialah halal, tetapi untuk satu masa sahaja, expiry masa itu ialah 'unauthorised'. Sebagaimana yang kita tahu 'shareweb' untuk satu tempoh yang terhad, tetapi ada cara di mana ia boleh terus digunakan - sungguhpun 'unauthorised'. Ini ada digunakan di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia - di seluruh dunia oleh semua pengguna Internet, bukankah ini menimbulkan satu keadaan di mana mereka di dalam situasi ini boleh dianggap 'statutory presumption' bahawa mereka sudah melakukan 'unauthorised access' dan kesalahan 'unauthorised access' dendanya ialah RM50,000 serta 5 tahun penjara.

**Datuk Leo Mogie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir persoalannya kalaulah bahan-bahan itu disalurkan dalam Internet, mereka yang menyalurkan itu memahami bahawa ianya boleh didapati oleh sesiapa, boleh juga di 'down-load' oleh sesiapa pun. Jadi, soalnya saya fikir tidak timbul, kerana perkara ini tidak termasuk dalam perkataan 'unauthorised access'. Soalan 'unauthorised access' kalaulah akses itu tidak terlingkung dalam perkataan 'unauthorised' ia tidak terikat dari segi seksyen 8.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Nampaknya pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa benda-benda dalam Internet boleh di 'down-load' oleh kerana ada implicit ia boleh disalinkan. Ini silap, oleh kerana Internet pun ada copyright laws dan lain-lain - ini bukan bererti apa-apa yang terkandung dalam Internet tidak terikat oleh undang-undang. Bukankah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa copyright laws pun apply mengenai 'web pages' atas Internet kalau ia ada diterangkan, seperti 'shareweb'?

**Datuk Leo Mogie anak Irok:** Seperti yang saya jelaskan di dalam penerangan awal tadi, undang-undang yang kita bahaskan ini ialah satu dari rang undang-undang yang dipakai atau yang digunakan di negara kita ini, ianya tidak boleh diasingkan oleh penggunaan undang-undang yang lain. Sekiranya kesalahan itu terkandung dalam rang undang-undang yang lain, sudah tentu yang salah juga terkena dalam undang-undang itu. Misalnya untuk menerangkan kepada soalan Yang Berhormat dari Kubang Kerian semalam, apakah kita membenarkan Internet ini 'self-free access', dengan izin, tidak ada censorship dan sebagainya.

Sebenarnya memang betul kita pun memberi keputusan bahawa dalam MSC Internet tidak akan dicensor. Walaupun demikian, kalaulah seorang menarik maklumat dari Internet itu, misalnya 'pornography' Tuan Yang di-Pertua, dan menayangkan 'pornography' itu dengan luas dari luar bukan untuk tontotan dia sendiri, dia akan terkena dari segi undang-undang penayangan benda yang lucu dari undang-undang yang lain.

Begitu juga kalaulah seorang itu mencetak, seditious sudah tentu beliau juga akan terkena dari segi undang-undang yang ada berkaitan dengan sedition dan sebagainya. Tetapi ini tidak bermakna kita boleh atau kita akan censor apa yang boleh dilihat, apa yang boleh didapati dari Internet.

Tuan Yang di-Pertua, antara hukuman .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Leo Mogie anak Irok:** Saya fikir cukuplah, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita ada dua lagi rang undang-undang yang hendak dibahas. Kalau boleh kita bercerita di luar Dewan ini, kerana saya sudah memberi penerangan bahawa debat dari segi soalan cyberspace ini akan berterusan, bukan pada hari ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan yang dikemukakan iaitu memasukkan fasal yang baru dari segi pampasan (compensation) dan sebagainya, kerana ini mengikut pandangan Yang Berhormat dari Tanjong ada terdapat di rang undang-undang di Singapura, mengapa kita tidak menariknya dan dimasukkan ke dalam rang undang-undang kita dan sebagainya.

Saya dinasihatkan oleh pihak Peguam Negara, sebenarnya peruntukan itu tidaklah perlu kerana peruntukan yang sewajarnya sudah pun sedia terkandung dalam seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah yang membolehkan mahkamah memerintahkan tertuduh membayar ganti rugi. Selain itu mangsa juga boleh membawa tindakan sivil untuk mendapatkan pampasan

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak membaca satu sahaja seksyen 426, dengan izin:

*"426. (i) The Court before which a person is convicted of any crime or offence may, in its discretion, make either or both of the following orders against him, namely:*

*(a) an order for the payment by him of the costs of his prosecution or such part thereof as the Court directs.*

*(b) an order for the payment by him of a sum to be fixed by the Court by way of compensation to any person, or to the representatives of any person, injured in respect of his person, character or property by the crime or offence for which the sentence is passed"*

Jadi, banyak lagi ayat lain yang tidak perlu saya baca.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan juga Kubang Kerian menyatakan tentang bahan lucu di Internet yang sudah juga saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab mengatakan bahawa tiada peruntukan dalam rang undang-undang bagi spurn dan sebagainya. Spurn samalah seperti surat-surat yang tidak diminta ataupun serupa dengan junk mail yang tidak menjadi maksud rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini bertujuan mengawal keutuhan dan keselamatan komputer dan data yang disimpan di dalamnya. ISP atau pemberi khidmat Internet boleh mengawal orang yang melakukan 'spurn' ini dengan memberinya amaran dan kemudiannya menghentikan langganannya, jika penghantar diketahui dan melanggan khidmat ISP itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga ada bertanya sama ada MSC sebagai suatu kuasa autonomi akan membawa satu bentuk penjajahan baru. Sukalah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa seperti yang saya sebut di waktu membentangkan Rang Undang-undang ini, pelaksanaan MSC ini haruslah dilihat sebagai suatu inisiatif dari segi bentuk kita hendak meneruskan perkembangan IT agenda di negara kita ini. Ianya dipilih sebegitu rupa sebagai satu test-bed sahaja untuk memberi peluang bagi kita mencuba. Sekiranya sudah mencuba ada benda-benda yang kita fikirkan tidak munasabah untuk diperluaskan ke tempat-tempat lain di negara kita ini, kita boleh berpeluang untuk mengehadkan kesan yang mungkin kita tidak suka atau yang kita tidak ingini. Itu sebabnya kita menentukan MSC sebagai suatu test-bed, tetapi tidak bermakna kita tidak memberi tempat-tempat lain di negara kita ini, tidak memberi kesan yang baik pada perkembangan dalam MSC dan sebagainya.

Begitu juga kita akan menentukan penglibatan - walaupun kita menarik pelabur-pelabur asing pada permulaannya, harapan kita ialah untuk menentukan warganegara kita sendiri termasuk warganegara

bumiputera dapat melibatkan diri dalam perdagangan, urusan dan sebagainya dalam IT teknologi. Ini adalah tujuan kita dan dengan itu kita memikirkan bahawa manfaat yang akan didapati dari MSC ini akan merangkumi seluruh negara.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Leo Mogie anak Irok:**.....bukan terhad kepada MSC sahaja. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, masa sangat pendek.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai test-bed MSC, ya.

**Datuk Leo Mogie anak Irok:** Test-bed!

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa MSC akan menjadi satu test-bed untuk satu masyarakat maklumat pada zaman baru, supaya ia menjadi satu test bed, bukan sahaja ada undang-undang yang kita perlu meluluskan, yang baik untuk cyber laws, tetapi undang-undang lain yang akan stiffler creativity seperti Universities and University Colleges Act, Printing Presses and Publications Act, boleh digantung (suspended), supaya dalam test-bed ini kita tengok bagaimana kita boleh mewujudkan keadaan untuk mewujudkan kreativiti, semacam dalam MSC, surat khabar tidak payah dapat lesen tahunan - kita cuba. Jadi, adakah kerajaan akan timbang cadangan ini?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini sudah debate hari ini, macam semalam dia ambil peluang untuk mengaitkan dalam hal-hal yang lain, ini pula mengait dengan hal yang lain. Kita mengatakan test-bed yang berkaitan dengan IT teknologi dan sebagainya. Biarlah kita hadkan kepada itu dahulu dan kita lihat keadaan selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak lagi perkara yang hendak saya jelaskan, tetapi saya nampak jam kita sudah pun melarat, dengan itu sahajalah jawapan. Sebelum saya duduk, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan memberi jaminan bahawa apa-apa pandangan yang diberi kita akan kaji dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua

dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 3 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang Fasal 3, untuk seksyen 3(3):

Gantikan "lima puluh ribu" dan "lima tahun" dengan "sepuluh ribu" dan "tiga tahun" masing-masing.

Yang Berhormat Menteri telah memberi satu jaminan bahawa kerajaan akan memberi perhatian ke dalam pelbagai cadangan yang dibangkitkan semasa kita membahaskan rang undang-undang siber dengan alasan rang undang-undang semacam ini adalah baru untuk semua orang.

Saya anggap jawapan seperti ini sebagai jawapan diplomatik yang menunjukkan kerajaan tidak akan menyokong mana-mana satu dari enam pindaan yang saya telah memberikan notis untuk dibentangkan dalam peringkat Jawatankuasa mengenai Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini, dan dengan itu semua ini mungkin akan dipertimbangkan hanya dalam mesyuarat-mesyuarat satu masa yang depan.

Saya mendapati tindakan ini amat tidak dapat diterima kerana ia membayangkan sikap tidak profesionalisme Kamar Peguam Negara, khasnya memandangkan saya telah pun memberikan notis saya dalam Forum Rang Undang-undang Siber Parlimen yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Antara Parti pada hari Jumaat yang lepas.

Tambahan lagi, saya juga mendapati alasan bahawa jenayah komputer merupakan sesuatu yang baru kepada setiap orang adalah juga tidak dapat diterima kerana perundangan jenayah komputer sebenarnya mempunyai sejarah selama 20 tahun. Maka tidak wujud sebarang sebab mengapa Malaysia tidak dapat menggubal Undang-undang Jenayah Komputer yang paling baik dan bukannya paling keras setelah mempelajari dari pengalaman negara-negara lain.

Undang-undang jenayah komputer yang pertama bukannya hanya wujud dalam tahun 1990 apabila Akta Salahguna Komputer UK diluluskan, tetapi berbalik kepada 20 tahun yang lepas, pada 1978 di

mana negeri Florida telah mencipta sejarah dengan menjadi negeri pertama di dunia menggubal undang-undang jenayah komputer, sebagaimana dalam tahun 1995 Utah juga menjadi negeri pertama di dunia yang menggubalkan undang-undang tandatangan digital.

Pada masa kini, 48 dari 51 negeri di Amerika Syarikat mempunyai undang-undang menangani jenayah komputer mereka sendiri.

Amerika Syarikat memiliki kedua-dua set perundangan, negeri dan persekutuan, untuk menangani jenayah komputer. Undang-undang federal Amerika Syarikat telah digubal dalam tahun 1986 dan dipinda 1988, 1989, 1990 dan 1996.

Kanada merupakan negara common-law pertama yang menggubalkan undang-undang khas menangani jenayah komputer dalam tahun 1983.

Banyak lagi negara lain yang memiliki undang-undang jenayah komputer, selain daripada UK dan Singapura yang pernah saya bangkitkan dalam perbahasan. Negara-negara berkenaan termasuklah Australia, New Zealand, Norway, Sweden, Denmark, Finland, France, Germany, Netherlands dan Switzerland.

Maka perundangan jenayah komputer bukanlah sesuatu yang begitu baru sehingga boleh menyebabkan salah anggapan bahawa Malaysia sedang menerokai satu bidang yang baru sama sekali. Pada hakikatnya, sedia wujud banyak bahan dan pengalaman dari lain-lain negara yang dapat dipelajari oleh negara kita dan sememangnya membolehkan kita menggubal satu undang-undang jenayah komputer paling bagus di dunia.

Sekiranya Kamar Peguam Negara memiliki sikap profesionalisme dan serius dalam usaha mereka untuk menggubal undang-undang jenayah komputer yang paling baik di dunia, maka ia seharusnya membuat kajian menyeluruh ke atas semua undang-undang jenayah komputer di lain-lain negara serta pengalaman mereka semasa melaksanakan undang-undang berkenaan, dan dengan itu akan dapat menjawab kesemua pertanyaan serta perbincangan yang dibangkitkan dalam Dewan ini dengan mendalam, menyentuh semua aspek rang undang-undang jenayah komputer yang digubalnya, termasuklah pindaan-pindaan yang dikemukakan ini dan bukannya mengambil sikap bahawa oleh kerana perkara ini sungguh baru, maka biarlah kita luluskan rang undang-undang dahulu dan lihat bagaimana ia berfungsi dan kita lakukan pindaan kemudian hari.

Saya tidak tahu apa perasaan lain-lain ahli-ahli Parlimen, tetapi saya mendapati sikap sebegini

sungguh tidak dapat diterima, tidak bertanggungjawab dan tidak profesional.

Semalam saya telah membangkitkan kekhawatiran saya mengenai cara negara ini memperkenalkan peraturan dan konsep perundangan lama ke atas soal teknologi yang baru. Para ahli Parlimen harus sentiasa berjaga-jaga tentang kekurangan semacam ini apabila kita meluluskan undang-undang siber ini. Ini merupakan satu masalah yang bukan hanya terhad kepada Malaysia, tetapi juga dihadapi oleh negara-negara maju yang lain.

Orang yang bertanggungjawab menulis, melaksanakan dan menginterpretasikan undang-undang telah gagal untuk menangkap maksud sebenar revolusi cybernetic yang telah berusaha bersungguh-sungguh, sungguhpun dalam kebanyakan kes tidak berkesan dalam memaksa teknologi komputer berbalik di dalam pigeon holes yang dahulu kala direka khas untuk pen, buluh, pelepah dan kertas kulit. Malah ayat 'jenayah komputer' merupakan satu misnomer, penama yang silap. Komputer tidak melakukan jenayah, sama seperti senjata api tidak membunuh orang. Manusia sendiri yang melakukan semua jenayah ini.

Itulah sebabnya mengapa perundangan jenayah komputer di UK dan Singapura dikenali sebagai Akta Salahguna Komputer. Bolehkah kita dapat penjelasan bagaimana mereka boleh mengambil keputusan untuk memilih nama Rang Undang-undang Jenayah Komputer yang kurang bersesuaian, sama seperti kesilapan yang dilakukan oleh pihak berkenaan yang menamakan sekolah sebagai 'smart school', mengelirukan di antara teknologi dengan pengetahuan atau kearifan.

Tuan Pengerusi, mengenai pindaan ke atas seksyen 3, ini adalah untuk mencadangkan supaya hukuman maksimum bagi kesalahan 'capaian tanpa kuasa' ke atas bahan-bahan komputer di bawah seksyen 3, dipinda menjadi denda "sepuluh ribu ringgit, tiga tahun penjara atau kedua-duanya" dan bukannya denda "lima puluh ribu ringgit, penjara lima tahun atau kedua-duanya" seperti cadangan asal.

Sungguhpun kalau pindaan ini diluluskan, Malaysia masih mengenakan hukuman yang paling keras ke atas mereka yang mendapat pencapaian tanpa kuasa.

Di dalam Forum Rang Undang-undang Siber di Parlimen, Jumaat lepas, Datuk Abdul Gani Patail dari Kamar Peguam Negara telah memberikan tiga sebab bagi hukuman yang keras yang termaktub di

dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer, iaitu:

- (i) untuk mencegah kesalahan, sebagai deterrent;
- (ii) untuk membantu para pelabur dan pengguna supaya berkeyakinan terhadap penggunaan komputer; dan
- (iii) memupuk satu suasana conducive bagi pembangunan IT.

Saya merasa ragu-ragu sama ada Kamar Peguam Negara adalah serius semasa memberikan sebab-sebab tersebut di atas, dan sekiranya beliau adalah serius, maka kita harus diberitahu fakta-fakta dan kajian-kajian yang menyebabkan Kamar Peguam Negara mendapat kesimpulan sebegini, kerana Kamar Peguam Negara tidak mungkin mereka alasan-alasan yang menjustifikasikan keputusannya mengenakan hukuman paling berat di dunia ke atas kesalahan jenayah komputer bila dibandingkan dengan negara-negara lain.

Adakah Kamar Peguam Negara membuat kajian yang komprehensif terhadap pencerobohan komputer yang ingin dilindungi oleh Rang Undang-undang Jenayah Komputer di depan Dewan ini?

Adalah dianggarkan bahawa acts of God, mahupun kelalaian pekerja-pekerja yang tidak berkesan boleh mengakibatkan 84% kerugian di pusat-pusat komputer. Tindakan pekerja-pekerja yang tidak jujur pula dianggar mengakibatkan 13% dari kerugian, dan tindakan penceroboh pula mengakibatkan kerugian 3% sahaja.

Cabaran jenayah komputer adalah sungguh besar, ia sukar dibuktikan dan lebih sukar lagi untuk dikesan. Ada empat langkah yang akan dilalui semasa sesuatu jenayah komputer dilakukan:

- (i) mendapat akses ke sistem komputer;
- (ii) memperluaskan akses sehingga tujuan jenayah dicapai;
- (iii) meneliti, memodifikasi, menipu atau merosakkan maklumat; dan
- (iv) menghapuskan bukti capaian tanpa kuasa.

Langkah yang paling penting adalah mendapat akses ataupun capaian. Akses ke dalam sistem komputer, atur cara ataupun pangkalan datanya adalah dikawal dengan meminta pengguna-pengguna memperkenalkan identiti mereka dan kemudiannya mengesahkan identiti mereka. Pengesahan boleh dilakukan dengan menguji pengetahuannya terhadap satu password, posessi

sesuatu artifak ataupun menerusi sebarang ciri-ciri biologi ataupun tingkah laku. Mana-mana satu dari mekanisme ini pun dapat ditewaskan. Pengawalan akses yang menggunakan pembaca cap jari automatik pernah dianggap sebagai cara yang paling tidak dapat dikalahkan sehinggalah sekumpulan pengganas menculik seorang pengurus bank dan memotong ibu jari kanannya untuk menghidupkan satu sistem pengawalan akses kritikal. Pada hakikatnya, password masih merupakan cara pengesanan yang paling sering digunakan.

Sekarang penceroboh yang berupaya memperluaskan akses tanpa kuasa untuk masuk ke dalam sebuah mesin terlindung akan dapat mengubah audit trailnya. Ini merupakan satu log berterusan yang disimpan oleh komputer sebagai rekod setiap kemasukan pada bila-bila masa dan hari. Ia juga akan mencatatkan atur cara mana yang digunakan dan fail mana yang telah berubah. Bagaimanapun, seorang penceroboh yang mahir dapat mengubah log dan memadamkan kesemua kesan kemasukannya, malah memerangkapkan sesetengah pengguna sah. Selagi kelemahan sebegini masih wujud di dalam sifat keselamatan komputer, maka untuk menangkap mana-mana seorang penjenayah komputer, kecuali penjenayah yang tidak mahir, adalah sesuatu yang tidak mungkin dilakukan.

Atas sebab ini, sikap kerajaan yang hanya mementingkan hukuman yang paling berat di dunia tanpa membincangkan dalam perbahasan ini mengenai soalan yang lebih penting, iaitu cara mempertingkatkan sistem keselamatan komputer serta kesedaran orang ramai menunjukkan bahawa kerajaan telah gagal menangkap isu sebenarnya mengenai keselamatan komputer.

Implikasi tersirat yang diberikan oleh Datuk Abdul Gani Patail dari Kamar Peguam Negara di Forum Rang Undang-undang Siber, Jumaat lepas, adalah bahawa dengan adanya hukuman yang paling berat bagi jenayah komputer di Malaysia, maka ia akan merupakan satu syarat bagi kejayaan MSC.

Adakah sebarang asas wujud untuk menyokong pandangan ini ataupun ini hanya merupakan satu device Kamar Peguam Negara untuk meletakkan Akta Jenayah Komputer Malaysia ke atas peta dunia sebagai akta yang mengenakan hukuman paling berat ke atas kesalahan-kesalahan jenayah komputer di dunia dan supaya nama kita dimasukkan ke dalam Guinness Book of Records.

Menurut Frequently Asked Questions (FAQ), Multimedia Development Corporation (MDC) di

website di Internet mengenai MSC, lebih dari 150 wawancara telah dilakukan dengan syarikat-syarikat IT multimedia antarabangsa untuk memahami keperluan mereka demi, dengan izin, creating the best environment in the world to harness the benefits of multimedia technologies and applications. Adakah syarikat-syarikat IT multimedia ini pernah meminta supaya hukuman yang paling berat dikenakan ke atas pesalah-pesalah jenayah komputer.

Apakah isu-isu yang dianggap oleh syarikat-syarikat IT multimedia ini sebagai isu kritikal yang akan mempengaruhi keputusan mereka sama ada menyertai MSC atau tidak?

Sungguhpun kita memiliki hukuman jenayah komputer yang paling berat di dunia, tetapi ia tidak pula termasuk dalam senarai isu kritikal yang dianggap sebagai sekatan yang menghalang syarikat-syarikat IT multimedia antarabangsa ini menyertai MSC.

Mengikut taklimat yang diberikan kepada Forum Rang Undang-undang Siber Parlimen, isu-isu kritikal yang dianggap sebagai sekatan kepada penyertaan oleh syarikat-syarikat IT multimedia dalam MSC, hasil dari lebih 50 wawancara di luar negeri adalah seperti berikut, mengikut tahap kritikalannya:

- (i) kewujudan dan kualiti telekomunikasi;
- (ii) kekurangan tenaga mahir;
- (iii) dasar bumiputera;
- (iv) sambungan penerbangan yang lemah;
- (v) rasuah;
- (vi) had-had pemilikan asing;
- (vii) suasana yang tidak mengalu-alukan;
- (viii) cetak rompak harta intelektual; dan
- (ix) penapisan.

Wujudnya perbezaan antara wawancara di luar negeri ini dengan 50 wawancara yang dilakukan di dalam negara mengenai isu-isu kritikal yang menjadi sekatan bagi kejayaan MSC dan isu-isu ini adalah:

- (i) kekurangan tenaga kerja mahir;
- (ii) kewujudan dan kualiti telekomunikasi;
- (iii) akses terhad kepada pakar-pakar asing;
- (iv) penapisan;
- (v) dasar bumiputera;
- (vi) keupayaan pelaksanaan; dan
- (vii) suasana yang tidak mengalu-alukan.

Di dalam kedua-dua penyelidikan dalam dan di luar negeri ini yang dibuat oleh kerajaan sendiri yang berkenaan dengan isu-isu kritikal yang menjadi sekatan kepada kejayaan MSC, tidak dibangkitkan langsung apa-apa soal mengenai hukuman yang paling berat ke atas jenayah komputer di dunia yang akan mengakibatkan kegagalan MSC.

Maka, apakah alasan bagi kita untuk mengadakan hukuman yang paling berat di dunia terhadap jenayah komputer yang berlaku di serata dunia, dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekarang terbuka untuk dibahas. Machang.

4.31 ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada cadangan Yang Berhormat dari Tanjong untuk memasukkan seksyen 8 yang berikut, saya baca:

**Tuan Pengerusi:** Fasal 3, Yang Berhormat. Fasal 3 dahulu, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, soal sama ada mengenakan hukuman yang berat ataupun yang rendah adalah tidak timbul kerana dalam sistem undang-undang kita sekarang ini mahkamah diberi budi bicara. Tidak ada suatu hukuman minimum yang ditetapkan oleh mahkamah ataupun ditetapkan oleh undang-undang yang menentukan bahawa mahkamah mesti mengenakan hukuman setakat yang dinyatakan secara jelas. Cuma undang-undang kita mengatakan ianya perlu dikenakan setakat misalannya RM50,000. Maka terpulanglah kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman sama ada daripada RM1.00 ataupun caution yang dicaj amaran seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang sedia ada.

Sebagaimana yang kita tahu, Tuan Pengerusi, di bawah peruntukan Kanun Prosedur Jenayah, terdapat suatu peruntukan umum yang boleh dipakai kepada semua undang-undang termasuk undang-undang siber ini, di mana jika mahkamah mendapati bahawa sesuatu perbuatan itu adalah terlalu kecil, maka mahkamah boleh misalannya di bawah seksyen 294 hanya memberi ikat jamin. Dan ada juga peruntukan di bawah Kanun Prosedur Jenayah yang memberi budi bicara kepada mahkamah hanya untuk memberi amaran. Jadi, soal undang-undang ini memperuntukkan hukuman RM50,000 misalannya adalah tidak timbul kerana jika

mahkamah mendapati berdasarkan satu-satu kes tertentu perlu hukuman diringkankan. Maka mahkamah dalam peruntukan yang sedia ada diberi kuasa untuk berbuat demikian.

Saya fikir hakim-hakim di negara ini pun cukup arif. Kelayakan untuk menjadi hakim, menjadi hakim Mahkamah Sesyen, menjadi majistret, saya rasa mereka ini telah pun dilatih dan mempunyai pengalaman, tentulah tidak munasabah misalannya bagi orang yang hanya mendapati satu kesalahan yang kecil, tetapi hukuman tinggi dikenakan. Inilah sistem yang ada di negara kita. Kesalahan yang paling serius, misalnya rogol, di bawah seksyen 376, undang-undang menetapkan 20 tahun penjara. Tetapi saya tidak pernah lagi bertemu dalam pengalaman saya hampir 18 tahun penglibatan saya dalam bidang undang-undang, hakim mengenakan hukuman maksimum 20 tahun penjara. Tidak pernah berlaku demikian. Dengan kata lain, bahawa soal walaupun undang-undang ini meletakkan RM50,000 denda, mahkamah masih lagi mempunyai budi bicara, dan tertuduh yang disabitkan di mahkamah pun di bawah peruntukan undang-undang boleh mengemukakan fakta-fakta rayuan di mahkamah.

Jika berdasarkan fakta-fakta sedemikian, adalah hukuman rendah perlu diberikan, kita serahkan kepada budi bicara para hakim. Cuma undang-undang menetapkan had maksimum. Kalaupun hakim kata bahawa ia perlu diberi amaran sahaja, budi bicara masih ada. Jadi, soal hendak menurunkan jumlah maksimum dalam undang-undang seperti seksyen 3 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah tidak berbangkit dan tidak perlu pada pendapat saya, kerana kuasa budi bicara mahkamah itu masih ada. Tidak munasabah bagi mahkamah hendak mengenakan hukuman maksimum bagi kesalahan yang kecil. Biarlah luar budi bicara ini kita beri kepada mahkamah dan hakim yang kita fikir arif dan bijak untuk menjatuhkan sesuatu hukuman berdasarkan bukti, keterangan dan fakta setiap satu kes itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

4.35 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya sudah dengar hujah daripada Yang Berhormat Menteri mengenai ketidakpastian untuk mengadakan sekian-sekian banyak denda, hukuman dan sebagainya, kerana pada permulaan sahaja boleh dikatakan rang undang-undang ini ialah satu kaedah 'cuba-cuba' sahaja, 'trial and error'. Kerana ia

merupakan satu kaedah 'cuba-cuba' sahaja, saya berpendapat bahawa baiklah kita tetapkan hukuman denda yang lebih rendah sedikit dan kita tengok macam mana keadaannya. Pada hal masalahnya bagaimana kita boleh mengesan penjenayah ataupun bagaimana kita dapat mengesan orang yang membuat salah. Itu masalahnya Tuan Pengerusi.

Kalau kita tidak dapat kesan lagi, maka setinggi-tinggi denda pun sia-sia sahaja. Kita cuba dahulu, mungkin kita tetapkan pada apa yang dicadangkan RM10,000 dan tiga tahun, denda dan penjara masing-masing. Pada mulanya kita tengok, mengawalseliakan keadaan dan dapat tahu macam mana kadar denda yang sesuai. Kerana kita mesti fikirkan masalah yang lain, ada budak-budak nakal, macam mana kita boleh menyelesaikan masalah ini.

Misalnya, Tuan Pengerusi, saya pernah bangkitkan masalah seorang budak di Utara London, Richard Chris. Pada usia 16 tahun, ia masuk melalui Internet kepada US Air Force Computer 12 kali, nakal benar. Pada akhirnya dengan cara yang rumit dikesan dan dihadap ke mahkamah tiga tahun kemudian. Ia didenda mengikut Akta Penyalahgunaan Komputer di England, United Kingdom, dengan maksimum 2,000 pound (RM4,800). Komputernya di 'confiscated'. Itu sahajalah mengikut undang-undangnya. Kalau kadar RM50,000 ataupun lebih, kadar RM100,000, RM150,000 dan sebagainya dikenakan ke atas budak yang nakal itu, macam mana kita boleh buat, Tuan Pengerusi. Itu masalahnya, Tuan Pengerusi. Memanglah Yang Berhormat Menteri sendiri mengakui beliau pun tidak tahu setakat mana kadar yang munasabah, kerana benda yang tidak tahu lagi. Sekian, terima kasih.

4.38 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, saya sekadar mahu mengatakan bahawa masalah quantum, sama ada berpatutan atau tidak, kita serahkan kepada pihak kerajaan untuk memutuskan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan undang-undang ini digubal secara main-main, perkataan 'main-main' tidak ada dalam kamus kita. Kita serius. Undang-undang ini diwujudkan untuk membuktikan 'seriousness' kerajaan di dalam usaha menjadikan Multimedia Super Corridor sebagai satu 'test-bed'.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa yang ditetapkan dalam seksyen 3, iaitu RM50,000 hendak digantikan RM10,000;

saya hendak bertanya atas alasan apa RM10,000? Memang betul kita bercakap mengenai hackers and crackers. Tetapi sekarang ini, terminology 'hackers' dan 'crackers' sudah menjadi dua perkataan yang mempunyai perbezaan yang amat nipis. Sekarang ini terminology 'hackers', terminology 'crackers' sudah jadi satu perkataan hampir sama maksudnya dengan peningkatan jumlah jenayah komputer.

Memang 'hackers' pada awalnya adalah satu terminology yang diberikan kepada computer genius, yang cuba menembus masuk ke suatu sistem komputer untuk menguji sama ada formula, sama ada approachnya boleh mewujudkan satu lagi sistem software dan sebagainya. Tetapi, dalam konteks hari ini, Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan kita harus memberi ruang kepada hackers, yang maksudnya hackers yang tulen dalam erti kata komputer jargon yang setulen-tulennya. 'Hackers' bermakna computer genius ataupun cerdik pandai dalam hal komputer. Saya rasa itu yang dimaksudkan, dan dengan itu dia mahu meletakkan RM50,000 diturunkan kepada RM10,000. Tetapi apa bezanya RM50,000 dengan RM10,000. Tetapi apa bezanya RM50,000 dengan RM10,000.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Apabila ditanya oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, apakah alasan Yang Berhormat dari Tanjong untuk membezakan denda yang berada di United Kingdom dengan kita dan membandingkan dengan Singapura, ia tidak memberi jawab pun. Langsung dia tidak beri jawab. Cuma dia hendak tunjukkan bahawa dia mungkin lebih 'wise' untuk meletakkan hukuman RM10,000. Lepas itu dia akan mengaku bahawa dia lebih 'wise', dari Kerajaan!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan, Yang Berhormat dari Parit Sulong, sama ada Yang Berhormat sedar bahawa dalam prinsip undang-undang, seseorang hakim bila dia menjatuhkan hukuman, ada garis panduannya. Tidak semestinya RM50,000, sebanyak RM50,000 dia jatuh. Misalannya sebagai contoh, prinsip yang telah diputuskan dalam kes Abdullah Ang melawan Public Prosecutor, dengan izin Tuan Pengerusi, telah diputuskan, bila seseorang tertuduh mengaku bersalah, hukuman yang patut dijatuhkan oleh mahkamah ialah one third daripada would have been the sentence. Maknanya, denda RM50,000 kalau dia mengaku salah, bermakna diskaun yang diberi atas plea of guilty ialah satu pertiga daripada would

have been the sentence. Katakan would have been the sentence ialah RM20,000 tentu tidak maksimum, tidak ada hakim memberi maksimum. Sebab prinsip undang-undang kata, kalau hendak kena hukuman maksimum mesti state the ground to justify maximum penalty imposed, dengan izin, Tuan Pengerusi. Jadi, kalaulah prinsip macam dalam kes Abdullah Ang itu dipakai dalam kes ini, one third of would have been the sentence, bermakna RM10,000 juga lebih kurang, tuan Pengerusi. Jadi, cadangan Yang Berhormat dari Tanjong itu sebenarnya sudah pun ada dalam garis panduan undang-undang kita sekarang, setujukah dengan saya Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, pertamanya saya bukan berkelulusan undang-undang. Saya cuma mengambil beberapa mata pelajaran undang-undang. I was a practising journalist, bukan practising a lawyer.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekejap, saya habiskan. Saya cuma belajar undang-undang libel, defamation, administrative law dan basic principle of English law. Oleh kerana Ahli Machang pernah duduk on the bench sebagai seorang majistret, saya menghormati pandangannya. Yang Berhormat dari Tanjong berkelulusan undang-undang, tetapi tidak pernah jadi majistret.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nantilah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum kita pergi kepada perkara yang lain, adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Machang bahawa cadangan saya untuk mengurangkan penalti maksimum, seperti RM50,000 kurang kepada RM10,000 sudah termasuk dalam garis panduan untuk hukuman yang digunakan oleh hakim-hakim. Inilah satu pandangan yang tidak berasas. Kedua, adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar sungguhpun Yang Berhormat dari Machang kata bahawa maximum penalty tidak digunakan, tidak dipakai semacam maximum fine. Sebenarnya dua haru lalu maksimum fine digunakan. Kes Yang Berhormat dari Kota Melaka maximum fine RM5,000 untuk hasutan, itu maksimum. Ini boleh berlaku, bukan tidak berlaku, bukan tidak pernah berlaku.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya tidak mahu masuk campur dengan masalah emotional outburst Kota Melaka. Saya rasa itu biarlah dia selesaikan. Yang saya maksudkan tadi, pihak Yang Berhormat dari Kepong ada

mengatakan bahawa mengapa tidak dititikberatkan masalah keberkesanan penguatkuasaan undang-undang?

Perkara ini satu fenomena global, satu universal phenomena, di mana-mana. Kalau kita mengkaji masalah jenayah komputer, kita berhadapan dengan masalah penguatkuasaan yang masih lagi diperingkat infancy, yang masih lagi di peringkat permulaan. Ini diakui di Western Europe, di United Kingdom, di United States. Ini boleh diatasi dengan kursus-kursus dan penerangan, sebagaimana yang saya seru kepada pihak kerajaan semalam. Sebagai penyokong kerajaan saya sedari hakikat ini. Saya sedar bagaimanakah keberkesanan penguatkuasaan undang-undang ini. Kefahaman pihak kehakiman pun begitu juga. Sebab itu saya juga menganjurkan supaya pihak hakim ataupun pihak-pihak peguam bela juga diizinkan mempunyai associates, sekutu daripada orang yang berkemahiran di bidang IT secara meluas untuk memberi pengadilan yang seadil-adilnya, yang saksama.

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, surfing in the net, saya pun surf in the net. Saya membaca apakah keluhan-keluhan barrister, peguam bela di seluruh dunia mengenai keberkesanan undang-undang IT. Satunya, kerana ini baru. Keduanya kerana ini, satu perkara yang tidak ada sempadan. Sementara kita menunggu satu inisiatif antarabangsa supaya diwujudkan satu undang-undang yang uniform sama seperti Law Of The Sea di mana ada satu international standard, piawaian international, antarabangsa, maka harus kita mewujudkan inisiatif, kita harus mengambil langkah yang awal, kita tidak payah menunggu esok untuk bergerak. Apa salahnya kita bergerak hari ini dan dalam pergerakan itu kita memperbaiki diri kita.

Jadi, saya harap supaya pihak Ketua Pembangkang .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Menerima hakikat bahawa IT adalah satu perkara yang berkembang pada setiap hari dan undang-undang yang menangani masalah IT juga harus diizinkan berkembang pada setiap hari dan masa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menjawab kerana Ahli

Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga dari Machang telah pun menyampaikan jawapan yang telah saya tuliskan tadi untuk memberi jawapan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak terangkan, saya bersetuju sekali dengan jawapan itu dan bagi pihak pendirian kerajaan, kita berfikir tidaklah perlu kita menerima cadangan yang dikemukakan oleh pihak Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah saya bercakap sedikit. Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bertanya kenapa saya gunakan angka RM10,000, tentu kita ada sebab, kita tidak dapat angka itu dari langit, sungguhpun kita belum mendapat satu jawapan kenapa kerajaan menggunakan angka RM50,000? Saya menggunakan RM10,000 oleh kerana bila dibanding dengan Akta Salah Guna Komputer United Kingdom dan Akta Salah Guna Singapura di mana hukuman ialah S\$2,000 dan kalau apabila kita letakkan RM10,000 sudah lebih tinggi daripada apa yang diperuntukkan di Singapura.

Dan sudah menjadi untuk initial offence, first offender on unauthorised access kepada 'computer material' sudah menjadi penalti tertinggi di dunia, tetapi kita tidak mahu denda untuk menakutkan rakyat kita oleh kerana kita mahu menggalakkan mereka untuk menggunakan dan mempelajari komputer.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Machang, jika dia masih dalam S.46, tentulah ia memberi pandangan yang lainlah. Sekarang dia ada pandangan yang lain, pandangan yang diberikan tadi nampaknya tidak begitu serius.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia bangun Yang Amat Berhormat .

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Hujah Yang Berhormat ialah kerana angka itu terlalu tinggi, meletakkan angkanya RM10,000. Tadi saya telah katakan bahawa biarlah angka itu kita serahkan kepada mahkamah, walaupun undang-undang kata RM50,000 tetapi tidak semestinya RM50,000 kerana hakim dalam membuat keputusan terikat dengan garis-garis dan keputusan-keputusan peraturan undang-undang.

Malah dalam peruntukan Kanun Prosedur Jenayah kita pun ada peruntukan di bawah Seksyen 294 misalnya, di mana kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kata salah kali pertama, di bawah Seksyen 294 Kanun Acara Jenayah (CPC) hakim boleh memberi amaran ikat jamin sahaja. Malah ada satu peruntukan lain mengatakan bahawa, jika kesalahan itu tidak serius, dia boleh caution on this charge, beri amaran sahaja. Maknanya dengan kata lain, peruntukan undang-undang yang sedia sudah cukup untuk memastikan bahawa mahkamah diberi budi bicara yang begitu luas, tentulah hakim tidak munasabah kesalahan kali pertama hendak hukum RM50,000 denda, fasal garis panduan itu sudah ada antara faktor yang perlu diambil kira dalam menjatuhkan hukuman ialah, adakah pesalah itu kali pertama ataupun kali ke berapa, rekod sabitan lalu.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini cukup arif dan faham tentang perkara-perkara ini. Jadi, soal jumlah RM50,000 atau RM10,000 sebenarnya adalah tidak berbangkit, kalau pihak Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan dari mana kerajaan mendapat RM50,000, sama juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dari mana dapat angka RM10,000? Dan kita tidak boleh membandingkan kedudukan kita dengan Singapura, kita mempunyai asas keadaan dan pertimbangan yang berbeza barangkali dengan Singapura, kalau Singapura mengenakan S\$2,000 maka kita kena ikut, tentulah ada undang-undang yang ada dalam negara kita tidak ada di Singapura dan ada prinsip yang ada dalam negara kita tidak ada di Singapura dan begitulah sebaliknya. Jadi, prinsip itu saya rasa tidak tepat kalau kita hendak pakai perbandingan dengan negara lain. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya hormat Ahli Yang Berhormat dari Machang, saya tahu dia arif tetapi saya hairan mengenai hujah-hujahnya yang begitu saya percaya tidak ada orang yang boleh fahamlah mengenai tiada siapa yang kata bahawa di bawah rang undang-undang ini seksyen 3, sesiapa yang bersabit dalam kesalahan tentu akan didenda RM50,000, saya tak pernah kata begitu, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Machang go around and round mengenai perkara ini, 'he is arguing something that nobody is argue'.

Isunya ialah maksimum, bukan saya katakan sesiapa kena RM50,000 - tidak! Kenapa ia menjadi satu hujah? Isu ialah maksimum dan tadi pun saya sudah memberikan sebab kenapa saya memilih RM10,000, Ahli Yang Berhormat seperti tidak faham lagi dan kerajaan tidak memberi penjelasan kenapa RM50,000.

Satu sebab yang digunakan untuk mengadakan denda yang berat ialah supaya menggalakkan pengguna-pengguna IT, adakah ini bererti di Singapura jika dibandingkan penggunaan IT sangat mundur - tidak, kita perlu mengakui tahap penggunaan IT di Singapura lebih tinggi daripada Malaysia. Malaysia sangat mundur sama ada dari segi Internet, subscribers mengenai super highway, semua dan kita berharap kita boleh berdepan dan boleh melebihi Singapura di masa depan, tetapi kalau kita mengikut logik itu, kenapa kita mahu mengenakan denda RM50,000, kalau di Singapura dengan S\$2,000 sudah dapat IT lebih maju daripada Malaysia, tentu ada alasan, ada connection, bukan tanpa hubungan itu. Dan Ahli Yang Berhormat dari Machang dan Parit Sulong dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun ada berkata bahawa ini terpulang kepada budi bicara hakim - sudah tentu, apabila kita letakkan satu maksimum, tetapi kita ada tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang mulia ini untuk memastikan bahawa maksimum yang kita kenakan untuk satu jenayah yang baharu, yang kita akan mencipta hari ini adalah sewajarnya, ada relationship dengan undang-undang yang lain.

Kita boleh kata, kita mengadakan satu rang undang-undang atau Akta Jenayah Komputer dengan pelbagai jenis kesalahan dan denda, hukuman masing-masing tanpa mengambil kira akta jenayah yang lain. Sebagai contoh, apabila saya bincang mengenai kes ini bukan emotional, saya bukan membangkitkan perkara ini kerana emotional tetapi oleh kerana berlaku, kita perlu ambil iktibar daripada apa yang berlaku, dalam dua kes kesalahan yang telah dibuat, saya menyebutkan perkara ini hanya sebagai kita belajar sahaja, saya tidak masuk memasukkannya dalam isu ini. Kes Ahli Parlimen dari Kota Melaka, kes mengenai Hasutan dan Printing Presses and Publications Act, wakil Peguam Negara atau Timbalan Pendakwa Raya dalam mahkamah berkata, dalam kedua-dua akta kesalahan ini, Hasutan dan false news, Parlimen menganggap kesalahan false news di Printing Presses and Publications Act lebih serius daripada kesalahan Akta Hasutan. Kenapa? Oleh kerana maksimum untuk false news di bawah Printing Presses and Publications Act ialah tiga tahun dan RM20,000 fine. Tetapi maksimum untuk kesalahan Akta Hasutan ialah tiga tahun, sama, tetapi RM5,000. Ha, inilah hujah-hujah Deputy Public Prosecutor, who may be here today, ini mustahak. Adakah sekarang kita mahu Computer Crime Bill ini di mana lima tahun penjara dan RM50,000 denda dianggap sebagai lebih berat daripada Akta Hasutan, Printing Presses and Publications Act, kita tidak boleh katakan, terserah

kepada hakim-hakim, oleh kerana apabila ada perbicaraan hujah ini akan diketengahkan, oleh kerana maksimum yang lebih tinggi, kewibawaan Parlimen, the will of Parliament ialah ini lebih serius dan perlu diberi hukuman yang setimpal.

Saya rasa adakah kita mahu Computer Crimes Act lebih serius daripada Sedition Act, Printing Presses and Publications Act, adakah kita mengkaji perkara ini, adakah Peguam Negara mengkaji perkara ini? Saya percaya tidak, tetapi bila pergi ke mahkamah itu yang menjadi hujah.

Sebenarnya, tadi saya ada katakan kita ada dunia kita, apabila kita bincang mengenai undang-undang mega maya, cyberspace, kita tidak boleh melihat apa yang berlaku di sekeliling kita, di dunia, kita ada 20 tahun pengalaman, dunia ada 20 tahun pengalaman dan apabila kita ada satu cyber bill, satu Computer Crimes Bill kita patut ada satu crime bill yang lebih sempurna daripada akta-akta yang lain, kita boleh dapat apa yang baik.

Oleh kerana itulah, advantage kita, dengan izin, stand on the shoulder of others, nampaknya kita tidak mahu stand on the shoulder of others, sama ada untuk mendapat satu computer crime bill yang baik untuk rakyat kita, untuk negara kita semacam mengadakan peruntukan untuk kesalahan di mana denda-denda dan hukuman-hukuman berbeza untuk semacam seksyen 3 mengenai unauthorises access di mana ada severity of a sentences mengikut severity of losses yang dilakukan yang ada dalam undang-undang yang lain. Computer Crime Bill yang lain, kenapa kita tidak mahu ikut?

Semacam repeat offenders pun ada peruntukan-peruntukan, kenapa kita tidak mahu ikut? Dan semua inilah mustahak dan saya pun tidak boleh terima bahawa inilah untuk tujuan menggalakkan penggunaan komputer yang lebih meluas, tak sangkut paut, oleh kerana adakah kita mahu ada hukuman kesalahan jenayah komputer tertinggi di dunia, kita akan dapat IT super power, lebih baik daripada negara Amerika dan United Kingdom atau mana-mana yang tidak ada hukuman-hukuman yang semacam ini.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya boleh.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan sedikit,

dalam cadangan ini Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya menggantikan RM50,000 dengan RM10,000 dan tiga tahun penjara. Saya hendak bertanya, mengapa kita tidak ubah jadikan RM2,000 ataupun RM5,000, mengapa Ahli Yang Berhormat mencadangkan RM10,000? Kalau hendak mengikut seperti United Kingdom kalau tidak salah saya 'only 2,000 Pound'.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okaylah tidak apa. Tadi saya sudah jelaskan. Kita tengok akta yang ada, bukan sahaja di United Kingdom, bukan sahaja di United State, Australia, New Zealand, Continent tetapi pun Singapura. Di Singapura untuk jenis kesalahan ini hukuman ialah S\$20,000 atau dua tahun. Dan cadangan saya adalah amat baik kerana mungkin kita perlu ada satu sikap yang lebih berat, ada peruntukan yang lebih berat tetapi tidak terlalu jauh, terlalu tidak munasabah sebab itu saya memilih RM10,000 dan tiga tahun. Ini ada sebab, bukan tanpa sebab. Saya harap Yang Berhormat dari Tanjong Karang boleh terimalah kali yang pertama.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya, saya.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah...

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta.....

**Tuan Pengerusi:** Hendak gulung dah. Ya, masa sudah lama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, gulung. Dan itulah saya harap....

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat daripada.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya berharap bahawa kita boleh putuskanlah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sepertimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 3**-diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 4 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, untuk seksyen 4(3) saya gantikan RM150,000 dengan RM100,000 masing-masing. Ini adalah untuk mencadangkan supaya hukuman maksimum bagi kesalahan capaian tanpa kuasa yang berniat untuk

membantu melakukan kesalahan lanjut harus dipinda menjadi RM100,000 dan bukannya RM150,000 sebagaimana yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini supaya wujudnya perhubungan (corresponding) di antara denda maksimum dengan lain-lain kesalahan dalam rang undang-undang ini yang dicadangkan oleh saya.

Saya tidak mencadangkan supaya hukuman penjara maksimum selama sepuluh tahun harus dipinda. Adalah nyata bahawa jenayah komputer adalah serius. Dalam abad ke-21 hampir kesemua jenayah terhadap harta benda akan dicerobohi menerusi sistem komputer. Tambahan lagi banyak jenayah, malah yang berunsur ganas juga akan dikawal ataupun diarahkan melalui komputer. Alasan prinsip untuk semua ini adalah peranan penting yang dimainkan oleh sistem komputer dalam menyimpan dan memproses aset individu dan organisasi serta perubahan dalam segi cara pengarah aktiviti-aktiviti serta pertumbuhan. Tambahan pula industri komputer akan lebih tersebar dan maju lagi dengan penekanan ke atas kelajuan keberkesanan dan versatiliti produk. Tugas mengendalikan keserasian dan integriti maklumat yang diproses oleh sistem-sistem komputer akan menjadi pertimbangan yang kedua.

Sebagaimana yang diperjelaskan oleh seorang pengamal keselamatan komputer, sesiapa pun yang dapat mendail masuk ke komputer sama ada menerusi telefon, menghantar sekumpulan punched cards, sekeping tape magnetic atau kaset, sekeping floppy disk ataupun disk pack pada kaunter perkhidmatan anda untuk diproses, hantarkan anda suatu message melalui E-Mail ataupun menulis satu atur cara yang kemudian diguna oleh komputer anda boleh melakukan yang berikut:

- (i) menyalin fail-fail sensitif anda;
- (ii) mengganggu akaun-akaun anda sehingga melibatkan kerugian kepada anda;
- (iii) memprogram semula komputer yang tersirat dalam lain-lain kelengkapan untuk menghasilkan produk-produk bermutu rendah, merosakkan peralatan-peralatan produksi, membunuh atau membahayakan pekerja ataupun melancarkan senjata terhadap kawan dan musuh;
- (iv) memadamkan aturcara dan fail data komputer anda.

Tambahan lagi semua ini boleh dilakukan bukan sahaja ke atas komputer anda tetapi juga ke atas lain-lain komputer yang mereka berkomunikasi.

Perkara-perkara bahaya ini dapat diatur dan dicetus pada satu-satu masa di mana anda paling lemah ataupun tidak terjaga dan boleh diteruskan selagi anda menggunakan komputer anda. Program-program merbahaya ini boleh menyamar diri ataupun memadamkan kehadiran diri sehinggakan anda tidak tahu yang anda sedang diserang. Mereka tidak perlu meninggalkan sebarang kesan kehadiran yang dapat membantu anda mengesan identiti mereka ataupun mengetahui mengapa serangan-serangan sebegini dilakukan.

Penjenayah komputer amat sukar didakwa kerana orang yang bersalah biasanya tahu lebih banyak mengenai teknologi komputer dari orang yang mendakwa mereka serta hakim-hakim. Untuk mengatasi ataupun menangani masalah jenayah komputer pihak berkuasa harus memahami bagaimana penjenayah-penjenayah komputer ini melakukan kerja mereka dan apakah senjata-senjata teknologi serta perundangan yang boleh digunakan terhadap mereka.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

5.07 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4 ini ialah satu denda yang memang sungguh tinggi bagi kesalahan akses tanpa kuasa dilakukan untuk melakukan sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau kecederaan sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan atau memudahkan melakukan kesalahan olehnya sendiri atau mana-mana orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, memandangkan kita tidak tahu, kita memang tidak tahu keberkesanan RM150,000 ini ataupun satu amaun yang sangat tinggi sama ada kita akan dapat satu kesan atau adakah ini akan mempunyai satu keberkesanan ataupun hanya satu pagar sahaja yang diletakkan di situ untuk melarang sesiapa sahaja yang hendak mencero bohi masuk dalam komputer tanpa kuasa. Saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk mengurangkan walaupun pada masa ini Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini pun tidak setuju kerana faktor yang tertentu.

Walau bagaimanapun, kita mesti mempertimbangkan bukannya satu cara yang lebih

baik dan munasabah kalau kita boleh kurangkan RM50,000 untuk masa hadapan bagi menyelesaikan masalah hukuman bagi seksyen 4 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat sepertimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Fasal 5 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, seksyen 5(3) - "gantikan RM100,000 dan tujuh tahun penjara dengan RM50,000 dan lima tahun masing-masing." Ini adalah untuk mencadangkan supaya hukuman maksimum ke atas kesalahan modifikasi tanpa kuasa di bawah seksyen 5 dikurangkan dari RM100,000 serta tujuh tahun penjara dan dicadangkan untuk menjadi RM50,000 dan lima tahun penjara ataupun kedua-dua sekali. Ini adalah untuk membolehkan hukuman selaras dengan pindaan-pindaan saya yang lain serta cuba menumpukan perhatian kerajaan ke atas aspek-aspek yang lebih penting mengenai keselamatan komputer. Saya tidak bercadang untuk mengulangi prinsip-prinsip dan hujah-hujah, sudah diberi dalam kedua-dua pindaan tadi dan saya kemukakan.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang tertera dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu seperti yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 6 dan 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Fasal 8 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk mencadangkan satu pindaan untuk

menghapuskan seksyen 8. Seksyen 8 ini ialah satu seksyen yang penting yang berbunyi:

*"A person who has in his custody or control any program, data or other information which is held in any computer or retrieved from any computer which he is not authorised to have in his custody or control shall be deemed to have obtained unauthorised access to such program, data or information unless the contrary is proved."*

Memang betul bahawa ada di beberapa rang undang-undang satu 'statutory presumption' bahawa seorang salah sehingga beliau membuktikan beliau tidak bersalah ada semacam untuk dangerous drug dan lain-lain tetapi ini semua untuk kesalahan-kesalahan jenayah yang besar dan serius tetapi adakah wajar bahawa kita meletakkan satu peruntukan ini, letakkan satu 'statutory presumption that a person who has in his control and custody any program, data or other information which is held in any computer or retrieved from any computer will be deemed to have committed the offence of unauthorised access' di bawah seksyen 3. Itulah saya rasa tidak patut.

Oleh kerana kita mahu menggalakkan penggunaan komputer, kita mahu negara kita memajukan kepada masyarakat maklumat dan di bawah seksyen 8 ini saya ada sebut bahawa majority pengguna komputer akan di 'criminalise'kan, contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri mengenai Internet ini tidak betul, tidak benar, It's mistaken, oleh kerana tidak boleh dikatakan bahawa semua benda di Internet boleh di 'down-load', authorise adalah implicit authorisation untuk di down-loadkan. Tadi, saya ada sebut mengenai 'shareweb', 'shareweb' bukan sahaja untuk web editing di mana boleh down-load digunakan untuk satu bulan tetapi selepas expiry satu bulan authorisation itu expire. Tetapi, ada cara di mana pengguna-pengguna komputer boleh terus menggunakan shareweb itu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhan bin Haji Mahiruddin) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tetapi mengikut rang undang-undang ini apabila menjadi undang-undang, pengguna komputer ini akan dianggap, oleh kerana ada dalam in his custody or control any programme that can be a web editing programme, it could be a game, 'shareweb' down-load untuk diguna percuma untuk satu bulan tetapi selepas satu bulan kalau tidak bayar ialah

unauthorised. Itu masalah copy right mungkin, saya tak mahu kata itu kelakuan baik, itu kelakuan tak baik tapi itu masalah copy right.

Kenapa kita mahu tarik menjadi satu computer crime di mana denda ialah RM50,000 dan 5 tahun penjara dan criminalise majoriti computer user. Termasuk Ahli Parlimen yang menggunakan komputer tahu, saya kata dalam Malaysia mungkin bukan sahaja di Malaysia, di dunia. Peratus yang sangat kecil pengguna komputer yang tidak ada program yang unauthorised. Apabila saya kata, program atau data saya bukan kata mengenai program, maklumat, pertahanan maklumat, keselamatan, state secret bukan tetapi komputer program.

Sebenarnya dalam Malaysia sekarang kalau ada pengguna komputer tidak ada unauthorised programme, he is not a good computer user, simple like that tetapi adakah kita mahu criminalise beliau di mana mengikut seksyen 8 dia dianggap sebagai seorang sudah melakukan kesalahan unauthorised acces sebenar. Inilah satu statutory presumption it doesn't create the crime. Tetapi kalau ia ada benda itu yang unauthorised itu sudah menjadi satu crime dan dalam Malaysia apabila ini berlaku dengan peruntukan ini boleh mengakibatkan penyalahgunaan kuasa yang begitu berleluasa. Sesiapa pihak polis, di mana-mana bandar, pekan, kampung, seorang kakitangan polis boleh bawa akta ini pergi mana-mana rumah. Salah guna kuasa boleh berlaku, menakut-nakutkan dan yang lebih penting ialah kenapa kita mahu meletakkan statutory presumption ini walhal dalam dunia tidak ada suatu negara yang ada undang-undang computer crime yang ada statutory presumption ini. Tidak Malaysia, kita mahu first in the world tetapi first in the world bukan dengan hukuman yang berat dengan statutory presumption that criminalises majority computer users.

Saya berani kata ada menteri-menteri ada komputer atau anak-anak mereka ada komputer pun ada unauthorised programme. Kalau berani kita beri tengok komputer di rumah, kita siasat komputer di rumah ada unauthorised programme. Saya percaya kalau Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli-Ahli Parlimen good computer users memang ada, mereka semua di bawah ini semua criminals, computer criminals. Kenapa kita mahu pass law ini, kita comcriminal ourselves. Dan saya tidak boleh terima ini kerana kalau Copy Right Law, Copy Right Act, Seksyen 43 mengenai penalti kesalahan di bawah Copy Right Act kalau ada salinan-salinan, program-program yang

unauthorised apa hukuman RM25,000, 3 tahun tetapi kita sekarang mengadakan satu seksyen lebih serius daripada Copy Right Act dan Copy Right Act sebenarnya boleh ada peruntukan dalam seksyen 41 (2) di mana:

For the purposes of paragraphs (a) to (f) of subsection (1), any person who has in his possession, custody or control three or more infringing copies of a work in the same form shall, unless the contrary is proved, be presumed to be in possession of or to import such copies otherwise than for private or domestic use.

Di sini kita reverse presumption kalau ada satu copy pun inilah unauthorised acces. Kenapakah reverse presumption untuk jaga pengguna-pengguna di Copy Right Act sekarang di reverse criminalises semua pengguna komputer?

Ini tidak wajar dan tidak bijak dan sampai sekarang Yang Amat Berhormat Menteri tidak boleh memberi alasan yang kukuh selain daripada kata adalah bukan jenayah tersendiri ialah satu presumption yang boleh direbutted tetapi kalau mahu rebutted susahlah banyak orang boleh diheret ke mahkamah baru pergi 'rebut'lah. Sebelum mengheret ke mahkamah sudah begitu banyak penyalahgunaan kuasa yang berlaku termasuk polis ke rumah, rumah ke balai, sebelum balai ke mahkamah, itu proses terlalu banyak penyalahgunaan kuasa. Ini tidak wajar dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju untuk tarik balik atau sekurang-kurangnya kita ada satu free vote. We drop the whip, tak payah whip, kerana mahu whip sama orang bagi free vote, tengok, jamin siapa boleh buat satu undi yang bebas, sokong tak sokong, saya percaya kalau boleh undi yang bebas mungkin, bukan tulis tangan kalau real free vote majoriti Ahli Parlimen Barisan Nasional yang menggunakan komputer tentulah tidak setuju. Selain daripada majoriti tak guna komputerlah.

Ini basic common sense, saya harap Yang Berhormat daripada Parit Sulong ada cadang bahawa pihak pembangkang impose the whip, dia kata remove the whip, dalam perkara ini kita boleh hapuskan seksyen 8. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya telah mendengar dengan teliti

ucapan-ucapan yang diberi oleh Yang Berhormat daripada Tanjong daripada semalam, itu juga perkara yang dibincangkan. Saya hendak sentuh 3-4 perkara yang daripada ucapan beliau sendiri. Tadi beliau semasa membahaskan seksyen 5, beliau sendiri mengakui bahawa penjenayah komputer ini memang sukar didakwa dan kadang-kadang kita tidak boleh menafikan bahawa penjenayah ini lebih hebat lebih mengetahui daripada orang yang menangkapnya. Jadi yang dimaksudkan dengan presumption of law ini dia punya undang-undang anggapan ini ialah beban bukti mesti dibuktikan pada orang yang didakwa. Jadi oleh kita sendiri akui undang-undang ini baru, saya rasa undang-undang seksyen 8 ini memang tepat bahawa sesiapa yang ditangkap maka adalah menjadi bukti kepada dia dan dia kena membuktikan bahawa benda yang dipegang atau komputer yang ada di tangan beliau atau di bawah kawalannya adalah perkara yang tidak menyalahi undang-undang. Kalau kita hendak buktikan macam pendakwaan biasa, ini sudah tentu mengambil masa yang lama. Kita lihat di sini, kita kena akui pegawai pendakwa ataupun polis baru hendak tubuhkan unit komputer, kalau ini kita masukkan mahkamah, kalau orang yang didakwa ini mempunyai hujah-hujah dia dengan lebih kepakaran sudah tentu lebih ramai penjenayah-penjenayah komputer ini akan terlepas.

Dan tadi Yang Berhormat daripada Tanjong juga ada mengatakan bahawa beliau setuju presumption of law ini macam undang-undang dadah kerana kononnya dadah ini dia undang-undang yang serius. Tetapi bagi saya, penjenayah komputer ini juga sama seriusnya malah mungkin lebih serius daripada dadah. Kalau dia menjual maklumat negara, mengenai rahsia-rahsia kerajaan maka tindakan ini lebih dahsyat daripada pengedar dadah. Kalau kita lihat bahawa undang-undang anggapan ini boleh diterima di dalam undang-undang dadah mengapa kita tidak boleh terima di bawah undang-undang jenayah komputer ini.

Dan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa siapa sahaja yang pegang maklumat yang secara tidak mengikut undang-undang maka akan mudah ditangkap oleh pihak berkuasa. Kalau ini anggapan kita, menunjukkan kita mempunyai pemikiran yang negatif. Kalau macam itu, kita ada anggapan atau presumption of law di dalam dadah. Kalau begitu Yang Berhormat Tanjong hendak memberi pandangan, menunjukkan pada hari ini dadah sudah tidak timbul, tidak begitu banyak di dalam negara kita.

Oleh kerana sekarang ini kita tidak tahu macam pengedar dadah, tidak semua pengedar dadah itu

boleh ditangkap. Sebab itu penagih dadah makin lama semakin banyak. Ini mesti melalui maklumat-maklumat dan kita jangan lupa kita juga ada seksyen 12, bukan sesiapa sahaja yang memegang barang-barang yang menyalahi undang-undang itu kita terus tangkap, saya percaya pihak berkuasa mesti melalui pengintipan, maklumat-maklumat barulah tindakan-tindakan ini akan diambil.

Kalau orang ini telah ditangkap, saya rasa memang oleh kerana ini undang-undang baru, biar orang yang kena tangkap itu membuktikan bahawa dia tidak bersalah. Kalau kita hendak membuktikan seperti undang-undang biasa saya rasa ini memakan masa yang panjang dan juga kita kena akui bahawa pendakwaan kita juga belum sampai ke tahap untuk mendakwa penjenayah komputer ini. Dan di mana undang-undang pun daripada UK, Australia itupun kita dengar sendiri Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa undang-undang cyber law, Undang-undang Jenayah Komputer ini masih lagi longgar dan kebanyakan mereka yang didakwa ini boleh terlepas.

Jadi, Yang Berhormat kerap kali menyatakan mengapa kita mesti lebih daripada dunia, lain-lain undang-undang jenayah yang lain, di Australia, UK tidak ada cyber law ini. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong, kita ini patut ikut orang ataupun orang patut ikut kita. Kita sekarang ini kena merasa diri kita besar, kita biarlah mempunyai pemikiran yang global yang besar, mengapa kita mesti ikut orang. Kalau apa-apa berlaku yang terjadi di dalam negara kita nanti mengenai jenayah komputer ini, negara lain, dia tidak akan tolong kita. Jadi biar kita mempunyai fikiran yang terbuka jangan hanya kita hendak membandingkan dengan negara-negara lain apabila kita lihat bahawa negara-negara lain itu kita memikirkan boleh memberi keuntungan kepada kita.

Ini fasal jenayah komputer ini saya setuju dengan soalan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang beria-ia sangat yang amat pakar dan diakui oleh Dewan ini, DAPlah yang paling katanya begitu pakar mengenai komputer ini. Apa dia, dia takutkah ini? Kalau kita tak takut masalah kenapa kita takut dengan undang-undang, tidak mesti bila kita kata undang-undang semua orang 'thumb harry' kita, kita boleh tangkap. Hanya orang yang memikirkan dia akan melakukan kesalahan, itu yang mungkin dia merasa takut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa undang seksyen 8 ini memang patut dan memang kena dan harus kita memberi sokongan kerana jenayah komputer ini merupakan satu undang-undang baru

dan bagi saya ini amat serius. Jadi kalau undang-undang lain kita memang ada prinsip of law ini bukanlah hari ini, kita dah tahu dah banyak undang-undang lain yang ada presumption of law ini. Tetapi mengapa bila sampai mengenai jenayah komputer ini pihak pembangkang beria-ia sangat dia tidak bersetuju.

Jadi saya hendak ulangi bahawa kalau kita tidak melakukan apa-apa kesalahan kita tidak perlu takut. Jadi yang selalu yang rasa takut ini, dia takut nanti dia pula memegang benda-benda yang salah takut dia yang didakwa. Dan saya sekali lagi hendak menekankan kalau dia takut presumption of law ini dia seolah-olah menganggap bahawa negara kita zalim sangat. Hari itu dia mempersoalkan kuasa pendakwaraya. Kuasa pendakwaraya memberi contoh yang begitu terhad. Contoh-contoh yang memang disadvantage kepada dia tetapi contoh-contoh yang lain dia tidak mahu membangkitkan. Jadi kita jangan menganggap orang lain buruk, ini pun dah presumption of law juga ini, beliau mempunyai tanggapan yang buruk kepada pihak berkuasa di Malaysia. Beranggapan buruk kepada kuasa pendakwaraya, kita tidak boleh ada tanggapan buruk macam itu. Tetapi bila mengadakan undang-undang presumption macam ini dia bangkang. Kalau dia mempunyai tanggapan buruk kepada orang kita boleh dengar apa yang dia cakap. Jadi Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya seksyen 8 ini dikekalkan demi untuk kebaikan dan masa depan rang undang-undang komputer di Malaysia ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, soal 'takut' atau 'tidak takut' tidak timbul. Kita mesti memandangkan masalah ini daripada segi hakikat dan kenyataannya. Misalnya kerana dunia IT atau teknologi maklumat ini berkembang dengan pesat dan juga pada peringkat ini kita mesti mengelakkan daripada perasaan untuk membuat keputusan dengan tergopoh-gapah.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya dalam seksyen 8 ini, walaupun kita boleh serahkan kepada budibicara pihak hakim, pihak mahkamah, kita mesti memandangkan dari segi masa hadapan. Masa hadapan kita hendak menggalakkan orang-orang Malaysia menceburkan diri di dalam Internet dan di dalam aspek-aspek IT yang lain.

Kalaulah kita membuat satu rang undang-undang yang mempunyai denda dan hukuman yang begitu berat, seperti yang saya sebutkan semalam bahawa

mereka dianggap 'salah' sebelum dibuktikan salah. Walaupun Tuan Pengerusi ada menerangkan bahawa di undang-undang yang lain seperti undang-undang sivil pun ada fasal yang sedemikian, tetapi ini tidak memberi rangsangan yang cukup kepada generasi sekarang. Kita hendak menggalakkan mereka menceburi di dalam bidang ini dan kita adakan fasal seperti ini yang mengatakan bahawa kalau mereka mempunyai apa-apa program, data atau maklumat yang disimpan daripada komputer yang tidak berkuasa berbuat demikian, maka mereka melanggar undang-undang, kalau tidak ada niat jahat pun melanggar undang-undang. Walhal Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kalau kita pergi ke kedai komputer sama ada software, hardware dan sebagainya, terutamanya software, kita tengok sebelum syarikat transnasional mengeluarkan software yang baru, tiba-tiba timbul cedokan, cetak rompak dengan banyak dan sebagainya.

Di Malaysia ini, walaupun bukan satu syurga untuk cetakan rompak, bahkan kita boleh tengok banyak. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi, tidak boleh tidak ada komputer - ramai orang yang boleh mengatakan dia tidak mempunyai software sebagai.....

**Seorang Ahli:** Unauthorised.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....unauthorised dan tidak berkuasa - tidak ada termasuk Yang Berhormat dari Padang Terap!

**Seorang Ahli:** Ada!

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** *[Mengangguk kepala]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Termasuk Yang Berhormat dari Padang Terap.

**Seorang Ahli:** Show to the House!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada. Kita hendak galakkan. Cuma kita fikir macam ini. Di dalam dunia komputer, dunia IT sekarang ini, cetak rompak bermaharajalela. Ia sangat berleluasa dan mungkin satu cara untuk mengatasinya ialah pihak syarikat asal itu membuat cetak rompak balik dengan menggunakan taktik yang lain. Yang Berhormat dari Padang Terap tidak mahu dengar hal ini - tidak apalah. Tetapi kita tidak boleh menggalakkan - tidak boleh membasmikan aktiviti-aktiviti cetak rompak di dalam komputer - susah hendak dihapuskan, kerana itu kita mesti mencari cara yang lain.

Maksud saya di sini ialah kebanyakan orang di Malaysia menggunakan bahan-bahan dengan tidak berkuasa, kecuali mereka ada niat jahat, kita berilah peluang sedikit, kerana kita galakkan semua

termasuk Yang Berhormat dari Tanjong Karang, anak-anak dia pun hendak bermain komputer juga. Jadi, kita beri dia peluang sedikit, walaupun sebagai peguam dia anggap semua akan selesai, tidak payahlah kita menyoalkan hal seperti ini kerana semua itu akan selesai. Semua orang mempunyai budi bicara termasuk hakim dan sebagainya. Oleh itu tidak payah mempersoalkan. Kita mahu memajukan MSC dan kita hendak menggalakkan semua orang dan saya berharap di sini pun semua orang sudah mempunyai Internet termasuk Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Ada Internet sekarang?

**Tuan Noh bin Omar:** Kuala Selangor semua sudah ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kuala Selangor ada. Tetapi Tanjong Karang tidak ada.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak beritahu, Yang Berhormat ini sudah ketinggalan zaman duduk dahulu di Selangor. Saya hendak memberitahu semua Ahli Parlimen Selangor dan ADUN Selangor memang ada Internet seorang satu, Kerajaan Negeri Selangor beri. Yang Berhormat sudah ketinggalan zaman ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak ketinggalan zaman. Saya kata dia diberi komputer melalui Selangorlah - komputer laptop. Ini sungguh baik, komputer laptop, sama ada komputer ini mempunyai Internet - saya tidak tahu. Tetapi saya hendak galakkan Yang Berhormat dari Tanjong Karang mempunyai Internet dan anak-anak dia serta semua orang kalau boleh menggunakannya. Kalau kita hendak menggalakkan ramai orang Malaysia mempunyai Internet dan aspek-aspek IT yang lain, kita patutlah pindaan fasal ini, hapuskan seksyen 8 dan masukkan seksyen 8 yang baru supaya menjadi satu galakan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, yang belakang sekali, Kuala Pilah.

5.38 ptg.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebentar tadi.

Saya ingin menyatakan di sini menyokong Fasal 8 yang telah ada ataupun yang telah didraf oleh pihak kerajaan, untuk menangani masalah jenayah komputer. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebentar tadi banyak menimbulkan perkara yang saya fikir semata-mata untuk mengelirukan Dewan ini.

Kita tahu bahawa Undang-undang Jenayah Komputer ini adalah satu undang-undang yang baru dan semua mengakui bahawa kita sedang melihat dan ingin mengadakan satu peruntukan undang-undang yang lengkap mengikut undang-undang. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan seolah-olah undang-undang ini satu undang-undang yang tidak pernah dilakukan di seluruh dunia dan seolah-olah ini adalah satu undang-undang yang menekan, seolah-olah kita tidak bertamadun. Saya fikir ini tidak betul. Banyak undang-undang yang ada pada masa kini, yang ada provision atau peruntukan ini, yang tidak ada masalah dari segi Undang-undang, sebagai contoh "Undang-undang Penyalahgunaan Dadah", dan juga "undang-undang menyimpan barang-barang kecurian". Ini semua telah kita wujudkan dan ia dilaksanakan dengan baik, tidak ada apa-apa masalah.

Tuan Pengerusi, kita jangan lupa bahawa di dalam Dewan ini kita membuat sesuatu undang-undang yang melengkapkan dengan segala situasi. Ini adalah satu contoh di mana peruntukan "anggapan" atau "law of presumption". Justeru itu, tidak benar dan tidak wajar kalau kita meleret-leret mengenai perkara yang bukan-bukan, kerana saya dapati undang-undang ini memang lengkap dan patut diadakan, lebih-lebih lagi apabila melibatkan era baru, Internet ataupun benda-benda yang begitu sofistikated dan canggih, melibatkan bukan orang-orang macam di kampung-kampung. Orang yang banyak menggunakan Internet nanti adalah kumpulan orang yang kaya dan kumpulan profesional. Orang-orang ini saya rasa memang faham, memang tahu dan apabila diwujudkan seksyen 8 ini pula bukan bermakna dijadikan satu bahan untuk kita menyalahgunakan atau menangkap orang-orang yang tidak bersalah - jangan lupa, Tuan Pengerusi, bahawa apabila dikatakan hendak menghukum seseorang itu kita mengamalkan sesuatu undang-undang yang memang kita semua faham, iaitu perlu disiasat terlebih dahulu, setelah disiasat - dan ada bukti perlu didakwa. Dari segi pendakwaan jangan lupa kita ada tiga peranan iaitu 'penyiasat dan pendakwa', 'pembela dan penghakiman' - itulah keadilan. Untuk menyatakan seolah-olah kita tidak ada keadilan - tidak betul.

Sepertimana yang saya tahu Yang Berhormat dari Tanjong ada juga pengetahuan undang-undang, tetapi pada hari ini dia bercakap seolah-olah sebagai orang yang tidak tahu undang-undang pula. Jadi, Tuan Pengerusi, di Dewan ini kita bertanggungjawab, bahawa apa yang kita draf dalam undang-undang ini adalah satu undang-undang yang cukup baik dan kita tidak menyatakan bahawa ini adalah yang terbaik. Kalau didapati satu ketika nanti ianya tidak baik, kita akan pinda melalui Dewan ini - ini perkara biasa dalam sistem demokrasi. Apabila kita mewujudkan undang-undang kita adalah bertanggungjawab dan fikiran sentiasa terbuka. Justeru itu saya rasa pihak Yang Berhormat dari Tanjong, saya fikir tidak wajarlah - kita tahu membezakan dan undang-undang yang telah pun dikemukakan oleh kementerian yang berkenaan di Dewan yang mulia ini, saya fikir memang wajar dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, satu lagi.

5.42 ptg.

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Tuan Pengerusi, pada pendapat saya pihak Pembangkang tidak payah khuatir tentang Fasal 8 Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 ini, kerana pada hemat saya ada fasal-fasal lain di akta-akta seperti Akta Hakcipta yang melindungi seseorang pengguna komputer.

Kalau tidak silap saya Akta Hakcipta yang sedia ada sekarang ada fasal yang menyatakan bahawa seseorang yang menggunakan komputer yang mempunyai senaskhah program untuk penggunaan persendirian di rumah bahawa orang itu tidak dianggap salah. Tetapi kalau mengikut contoh ini kebanyakan orang yang menggunakan komputer di rumah secara persendirian termasuk ahli Parlimen mungkin tidak dianggap salah di bawah fasal ini. Jadi, cuma seorang yang mengedarkan, mempunyai dua, tiga atau lebih naskhah program dan menjual atau mengedarkan program ini barulah orang itu dianggap salah di sisi fasal ini. Mungkin menteri yang berkenaan dapat menjelaskan tentang fasal ini dan saya berharap bahawa polis atau pendakwa raya boleh melihat tentang fasal-fasal yang sedia ada dalam Akta Hakcipta sebelum menggunakan Fasal 8 di bawah Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong.

5.44 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, yang pertama nampaknya Yang Berhormat dari Kuala Pilah

memberi keyakinan yang sepenuhnya kepada pengguna-pengguna Internet mereka adalah profesional - mereka tahu, betul bukan?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat dari Kuala Pilah langsung tidak tahu mengenai Internet - langsung tidak tahu mengenai Internet - saya berani mengatakan oleh kerana kalau dia tahu bukan Internet, dia tidak akan membuat kenyataan begitu - bukan profesional yang main Internet, budak-budak pun boleh main Internet. Tetapi Yang Berhormat komputer illiterate, Internet illiterate - itulah trajedi Malaysia pada hari ini.

Kita dalam Dewan ini majoritinya adalah komputer illiterate, Internet illiterate, meluluskan satu Rang Undang-undang Jenayah Komputer untuk mengenakan kepada komputer literate, IT literate - kita langsung tidak faham dunia IT, termasuk Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Dia mengatakan Kerajaan Negeri Selangor ada membekalkan Internet, bagaimana boleh membekalkan Internet? Membekalkan laptoplal! [Ketawa] Siapa boleh bekalkan Internet, tentu ada membekalkan laptop kepada ahli Dewan atau wakil rakyat Barisan Nasional, tetapi ada gunakah.....

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk anak-anak guna sahaja.

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti....

**Tuan Noh bin Omar:** Nanti, meleret bukan-bukan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, saya akan beri. Saya mahu habis my thinking.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, on my turn, not your turn.

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** You sit down, duduk!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti saya beri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah tragedi kita. Kita ahli-ahli Parlimen di sini majoriti, IT illiterate, computer illiterate, rasa kita tahulah dunia IT, pass law ini. Tadi kita lihat contoh-contoh itu.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata kita berlagak-lagak sebagai pakar komputer. Saya tidak pernah kata saya pakar komputer, pakar IT, tidak. Saya belajar, kita belajar. Kita mesti rela belajar. Life long learning process.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis, nanti saya akan beri.

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau sudah tahu tengah belajar, janganlah tunjuk pandai, buatlah cara orang baru belajar. Ini cakap berlagak macam orang pandai! Buang masa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan lagi tunjuk Standing Order illiterate. Bukan sahaja computer illiterate, IT illiterate, tetapi juga Standing Order illiterate..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang minta duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita patut rela untuk belajar tidak kira apa umur. Tetapi nampaknya ada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak rela belajar, tetapi mahu cakap mengenai IT. Kita patut beri contoh kepada rakyat kita. Bukan kerana kita bercakap banyak mengenai IT bermakna kita expert, tidak. Saya tidak pernah kata saya pakar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biarlah balik kepada Fasal 8.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu saya jawab mengenai point-point yang ada dikemukakan.

Di sini, Yang Berhormat dari Tanjong Karang berkata kita mahu melengkapkan undang-undang komputer oleh kerana penjenayah sangat susah untuk ditangkap, betul. Dalam ucapan saya pun beberapa kali saya ada tegaskan, sudah. Tetapi kita tidak boleh tangkap penjenayah komputer dengan undang-undang ini. Kita perlu teknologi terkini. Siapa boleh kena tangkap atau dianiayai oleh Seksyen 8? Bukan komputer, tetapi criminal yang

mereka pakar, pandai, susah untuk ditangkap. Mereka masuk, menceroboh network, mereka boleh tukar log untuk destroy semua bukti-bukti. Susah untuk menangkap, bukan kata di Malaysia, itu masalah dunia. Siapa kena tangkap, iaitu orang biasa, pengguna-pengguna komputer biasa.

Di sini, dengan Seksyen 8 yang criminalize majoriti computer user ialah setiap orang. Anak-anak Yang Berhormat dari Tanjong Karang mungkin juga. Bukan dia, dia tidak boleh ditangkap, dia tidak tahu. Statutory presumption against him pointless. Saya tidak pernah kata sepertimana Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata saya ada berkata setuju dengan statutory presumption mengenai Akta Dadah. Saya tidak pernah kata begitu.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalankah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti duduk dulu....

**Tuan Noh bin Omar:** Apa-ni, berilah jalan saya hendak bercakap perkara tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....on my turn, on my turn, sit down. Saya tidak pernah begitu.

**Tuan Noh bin Omar:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana kita tidak ada statutory presumption sebenarnya yang adil. Kalau kita mahu ada statutory presumption yang adil, kenapa tidak ada statutory presumption in the Prevention of Corruption Act semacam Muhammad Taib. Presume corrupt, ada RM10 million of property in Australia, presume corrupt statutory presumption, adakah Yang Berhormat dari Tanjong Karang sokong? Adakah Yang Berhormat dari Tanjong Karang sokong statutory presumption Muhammad Taib corrupt?

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat

**Tuan Lim Kit Siang:** Beliau kata saya ada anggapan yang buruk mengenai Pendakwa Raya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan atau tidak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dia jawab soalan itu, adakah beliau setuju ada statutory presumption, di mana kes semacam Muhammad Taib ialah dianggap sebagai corrupt oleh kerana beliau ada

harta benda berpuluh-puluh juta ringgit. Kalau dia mahu jawab soalan itu saya beri. Kalau dia tidak mahu, jawab saya tidak beri.

**Tuan Noh bin Omar:** Okay, duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu janji, kalau tidak ikut janji, saya tak tahulah how serious it is.

**Tuan Noh bin Omar:** You rasa takut, dia cakap mahu beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, jawab, baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, perkara itu terkeluar dari Fasal 8.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawablah, jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila, dia tidak mahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu jawab, duduk. Okaylah saya tahu dia lari. Tentu lari, mana berani jawab. Mana ada maruah untuk jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, biarlah persoalan itu berkaitan dengan dengan Fasal 8.

**Tuan Noh bin Omar:** Dia hendak cabar tetapi takut. Cakap berbelit-belit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang ada disebut di Seksyen 12 bahawa 'sangat tidak patut ada anggapan yang buruk mengenai kuasa Pendakwa Raya atau Attorney-General,' ini betul. Kalau ada anggapan yang buruk itu tidak adil. Tetapi kalau kita ada kes yang konkrit, yang kuat di mana kita ada kemukakan dalam Dewan yang mulia ini, di mana Attorney-General adalah guilty selective prosecution bias abuse of power ada kes (1) (2) (3) sampai (7) dan (8), sampai sekarang Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab. Yang Berhormat Menteri baru boleh sebut mengenai kes kehakiman, langsung tidak bersangkut-paut, iaitu dua kes di Sarawak election, tidak bersangkut-paut. Mengenai kes yang lain tidak bersangkut-paut. Itulah kes stand, oleh kerana sampai sekarang kerajaan atau kamar Peguam Negara tidak berani untuk jawab. Dan dia atas prinsip accountability patut jawab. Kalau tidak jawab, he stand convicted of guilty of selective prosecution abuse of his powers under the constitution. He stand convicted. Siapa mahu minta penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta tolong teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat dari Kuala Pilah dan Tanjong Karang kata 'kenapa kita tidak boleh menjadi first in the world...

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun. Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dia mahu jawab soalan itu baru saya beri.

**Tuan Noh bin Omar:** Ialah, tadi cabar....

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawab sama ada beliau setuju kita patut memindahkan Prevention of Corruption Act to make Muhammad Taib presume guilty, mahu jawabkah? Kalau tidak mahu jawab, duduk. Tidak mahu jawab, duduk.

Adakah kita tidak boleh menjadi first in the world. Tentu patut kita rasa bangga. Saya pun rasa bangga, bukankah saya rakyat Malaysia? Kita bangga kalau kita boleh first in the world. Tetapi yang baik, yang ada di 'admired' by the world. Kalau kita boleh mencapai keunggulan dalam apa-apa bidang, itu tentu kita sokong. Tetapi bukan first in the world yang tidak dapat hormat disoalkan oleh dunia, kenapa harshness computer laws in the world, kenapa apa sebab? Kenapa ada statutory presumption ini, kenapa ada satu Peguam Negara yang salah guna kuasa budi bicara Perlembagaan, first in the world apa guna? Kenapa ada Muhammad Taib, apa guna first in the world?

Akhirnya, Yang Berhormat dari Bukit Bendera, saya hairanlah. Saya rasa dia sokong saya.

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri jalankah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dia mahu jawab itu sahaja, saya beri. Kalau tidak, saya tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kalau Yang Berhormat hendak beri, itu terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Yalah, saya hendak jawablah, berilah jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya tidak dapat benarkan perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Sebab dia sentuh Peguam Negara tadi. Saya minta penjelasan fasal Peguam Negara. Tadi dia kata Peguam Negara tidak ikut Perlembagaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada....

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah peluang kepada saya, sebab tadi dia sentuh Peguam Negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Tanjong Karang bahawa beliau akan sokong....

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak beri pendapat mengenai Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....cadangan saya untuk menghapuskan Seksyen 8 mengenai statutory presumption. Oleh kerana saya tahu dia pun seorang pengguna komputer, patut faham aspirasi pemuda-pemudi. Tetapi nampaknya, oleh kerana dia dalam Barisan Nasional, dia ambil satu sikap yang begitu reactionary.

Apa yang ada dalam Copyright Act betul ada kata bahawa kalau tidak ada lebih daripada tiga salinan untuk commercial used, kalau untuk private used dua kopi, tidak dianggap salah. Dalam dunia komputer, apa dua kopi. Dalam satu rumah ada dua-tiga terminal, ini biasa. Dua-tiga komputer biasa, saya ingat senang ada lebih daripada tiga kopi salinan. Statutory presumption, mana ada protection. Tidak mahu faham, oleh kerana mahu tunjuk 'oh, very loyalist.'

Saya haraplah bahawa hujah-hujah saya adalah kuat, tetapi undi tidak kuat tidak mengapalah untuk Dewan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah adalah pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 9 - 12 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada satu pindaan Fasal 8.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ini baru Fasal 9 Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai lima ayat. Masukkan Seksyen 8 yang baru selepas itu.

**Fasal 9 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 13 -**

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum Fasal 13 ada satu lagi.

**Setiausaha Dewan:** Fasal 8 sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi ini untuk mencadangkan satu peruntukan yang baru di mana notis ada diberi, "mahkamah boleh membatalkan satu pendakwaan sekiranya setelah mempertimbangkan kelakuan yang didakwa dan keadaan pada masa berkaitan mendapati bahawa kelakuan si defendant tidak mendatangkan berkaitan mendapati bahawa kelakuan si defendant tidak mendatangkan mudarat atau kerosakan kepada apa-apa komputer, rangkaian komputer atau apa-apa data atau perisian." Dengan izin, tukar Fasal 8 kepada nombor mungkin Fasal 14.

Ini mengenai hackers. Kita sudah bincang dengan panjang lebar mengenai hackers. Apa yang kita mahu ialah satu ruang di mana hackers yang sebenarnya bukan with the Malaysia intend criminal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap sahaja. Sekarang pindaan yang ke berapa, Yang Berhormat, Fasal 13?

**Tuan Lim Kit Siang:** Fasal 8. Fasal 8 ada dua bahagian.

**Setiausaha Dewan:** Sama biasanya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi saya belum kemukakan, bolehkah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Fasal 8...

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu, kalau tidak setuju oleh kerana tadi - kalau bersetuju kita tukar sebagai Seksyen 14. Kalau begitu, saya kemukakan pindaan Seksyen 13 dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya rasa tadi Seksyen 13.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Sebelum itu ada lagi satu pindaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Fasal 13 yang penghabisan sekali.

**Tuan Lim Kit Siang:** Seksyen 13 satu pindaan, tetapi Seksyen 8 sebenarnya ada dua pindaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seksyen 8 ke berapa, Yang Berhormat? Fasal 8 ada satu sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, sebenarnya ini untuk memberi ruang untuk hackers yang sebenarnya, bukan mereka yang penjenayah di mana tidak ada merosakkan atau tidak ada niat jahat memberi mahkamah kuasa untuk dismiss prosecution. Kita tidak kata dengan cadangan ini bahawa setiap hackers ialah tidak akan kena kesalahan, tetapi beri kuasa kepada mahkamah supaya boleh memberi ruang atas sebab ini akan mewujudkan kreativiti di kalangan pemuda-pemudi kita. Baik, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Menteri, Fasal 8. Yang Berhormat dari Tanjong bangkitkan fasal 8.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

5.59 ptg.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Pengerusi, bagi pihak kerajaan kita tidak bersetuju untuk memasukkan Fasal 8 yang baru ini, kerana kita memahami pertamanya hackers dan sebagainya memang ada perbezaan di antara 'hackers' dan 'crackers' dalam undang-undang yang ada sekarang yang kita bawa. Yang keduanya, banyak alasan-alasan sudah pun kita beri tadi. Cuma apa Yang Berhormat dari Tanjong buat ini berulang-ulang lagi. Saya rasa jam kita pun sudah suntuk. Jadi, tidak payahlah kita hendak debate. Kita tidak bersetuju.

**Fasal 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 9 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 13 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, silakan Tanjong.

6.00 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, Seksyen 13 saya mencadangkan supaya memasukkan Seksyen 13 yang baru seperti berikut:

"13 - Perintah untuk pembayaran pampasan:

(1) mahkamah di mana seorang bersabit dengan apa-apa kesalahan di dalam

akta ini boleh membuat sesuatu perintah terhadap tertuduh untuk pembayaran sejumlah yang ditetapkan oleh mahkamah sebagai pampasan kepada sesiapa untuk apa-apa ganti rugi yang diakibatkan kerosakan terhadap komputer, aturcara atau datanya akibat dari kesalahan tertuduh yang disabitkan kesalahan berkenaan;

- (2) setiap tuntutan yang dibuat oleh seseorang yang mengalami kerugian yang diakibatkan oleh si bersalah harus dianggap sebagai memenuhi pembayaran setakat jumlah yang perlu dibayar kepadanya di bawah perintah pampasan tetapi perintah tersebut tidak akan memprejudiskan, menjejaskan segala hak remedi, sivil untuk menuntut balik kerugian yang melebihi jumlah pampasan yang dibayar di bawah perintah tersebut;
- (3) sesuatu perintah pampasan di bawah seksyen ini boleh dituntut baik sebagai tuntutan sivil di dalam mahkamah."

Pindaan ini ialah untuk memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintah seseorang pesalah yang disabitkan kesalahan supaya membayar pampasan kepada si mangsa terhadap sebarang kerosakan, kerugian yang dilakukan ke atas komputer, aturcara ataupun datanya.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata semasa memberi penjelasan bahawa peruntukan ini tidak perlu oleh kerana peruntukan semacam ini ada dalam Criminal Procedure Code di mana mahkamah ada kuasa dalam kes jenayah untuk mengarahkan pembayaran ganti rugi kepada si mangsa - kita tahu!

Tetapi peruntukan itu dalam Criminal Procedure Code, Seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah satu dead akta, satu peruntukan yang mati, tak pernah digunakan untuk apa-apa kesalahan di mana mangsa sudah menderita begitu banyak oleh kerana kesalahan-kesalahan jenayah, tak pernah digunakan, apa gunanya? Di Singapura pun counter part Criminal Procedure Code pun ada peruntukan ini tetapi mereka rasa perlu untuk memasukkan peruntukan ini untuk menerangkan betapa tepat bahawa ada ganti rugi diberikan kepada si mangsa dalam suatu kesalahan-kesalahan jenayah dan saya rasa ini tepat dan ini boleh untuk memberi satu nafas baharu kepada konsep bahawa dalam criminal crime and

punishment bukan sahaja hukuman oleh State sama ada melalui bentuk penjara atau bentuk denda, tetapi punishment pun melalui compensation kepada si mangsa.

Selain daripada Peguam Negara, kehakiman boleh membuat satu keputusan polisi bahawa peruntukan Seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah akan dihidupkan semula dalam semangatnya, sekarang dead akta - tak guna seksyen itu, as good as dead force. Adakah Ketua Hakim, adakah Peguam Negara akan membuat satu keputusan enforce, Seksyen 426 akan digunakan bukan sahaja untuk Computer Crime Act tetapi untuk semua offences di bawah Penal Code. Dan inilah antara contoh di mana saya telah katakan semalam bahawa kalau kita menggunakan old law dan old legal concepts to new technologies, tidak sesuai, oleh kerana sebenarnya undang-undang digubal dan digunakan untuk 'attempts', tidak sesuai untuk 'bits', atau, dengan izin, laws written for 'attempts' or material things can't really be applied to 'bits' or information that can be recorded and transferred on computers.' Dengan itu, saya mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.04 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini untuk memasukkan Seksyen 13 yang baru kerana pada pendapat saya di dalam usaha kita untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) kita hendak menggalakkan pemaju asing dan pemaju multimedia tempatan.

Dengan yang demikian, selain daripada mengadakan undang-undang siber ini, kita mesti mengadakan galakan yang lain termasuk mengadakan Seksyen 13 ini mengenai perintah untuk pembayaran pampasan.

Sungguhpun dalam Kanun Jenayah ada satu seksyen untuk pembayaran pampasan tetapi bagi saya ini tidaklah mencukupi, kita patut memasukkan di dalam rang undang-undang ini untuk memberi jaminan kepada pemaju-pemaju multimedia bahawa Malaysia adalah sangat serius terhadap pesalah-pesalah Internet ataupun komputer ini.

Tuan Pengerusi, sebab kita tahu pihak pemaju multimedia yang biasanya syarikat transnational

mempunyai sistem keselamatan sendiri tetapi sistem keselamatan dalaman ini tidak mencukupi untuk memberi perlindungan kepada hak-hak mereka dan kalau ada kesalahan dilakukan, kerugian mungkin beratus-ratus juta ringgit ataupun berbilion-bilion ringgit. Dengan yang demikian, kita patutlah memberi jaminan kepada mereka sekiranya penjenayah ditangkap dan didakwa, memang mereka akan diminta untuk membayar pampasan. Itulah cara yang baik.

Kalau pihak negara yang lain seperti United Kingdom, Singapura dan juga di setengah-setengah state di Amerika Syarikat mempunyai peruntukan yang sedemikian, saya percaya baiklah kita pun masukkan peruntukan untuk pembayaran pampasan sepertimana yang dilakukan oleh pihak yang lain. Bahkan kita juga hendak menyeragamkan - untuk uniform seperti yang disebutkan oleh pihak Parit yang Sulong tadi, beliau mengatakan bahawa harapannya untuk mewujudkan satu undang-undang siber yang seragam. Ini satu caralah untuk menunjukkan yang kita sangat serius untuk mewujudkan satu undang-undang yang seragam dengan memasukkan peruntukan yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjong Karang.

6.08 ptg.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya pun hairanlah pihak Pembangkang ini, ini adalah amendment yang akhir, dia punya cadangan-cadangan ini kadang-kadang kita sebagai peguam ini pun naik pening kepala. Saya melihat ini dan saya malas hendak ulang, banyak daripada seksyen 3, dia hanya hendak menunjukkan dalam rekod sahaja konon-kononnya DAP ini memang sengaja hendak mengambil bahagian, hendak menjadi champion. Tetapi semua cadangan yang dikemukakan itu semuanya cadangan yang tidak berasas. Dalam seksyen 3 apakah asas ukurannya dikurangkan kepada RM10,000, seksyen 4(3) dia suruh kurang denda tetapi penjara dia tidak ubah, jadi, saya malas ulang nanti pening kepala.

Yang akhir ini sahaja yang saya hendak sentuh di sini. Saya punya presumption, dia yang suka buat presumption, orang belum kena dakwa, dia sudah kata corrupt. Ini bila dia suka buat presumption dengan orang, bila kita buat undang-undang presumption, dia tidak bersetuju. Ini semua perkara yang disebutkan yang cabar Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib ini, ini semua presumption, dia bersetuju presumption, tetapi cuba besok kita

hendak masukkan dalam undang-undang presumption, dialah orang yang mula-mula bantah.

Apa sahaja yang kerajaan hendak buat, dialah yang mula-mula bangkang. Saya pun tak faham Pembangkang ini memang betul tidak berfaedah langsung. Ini macam seksyen 13 yang dia hendak cadangkan, dia sendiri cakap tadi, 426 CPC ini mati dan beku, tolong ingat - 'mati dan beku' yang dicakapkan tadi, jangan hendak pusing-pusing cakap!

Tadi dia bercakap dia bersetuju drug presumption di bawah Akta Dadah, dia kata dia tidak bersetuju, besok kita lihat *Hansard*, bercakap macam orang mabuk! [Ketawa]

Seksyen 426 ini, saya pun pening kepala, seksyen 426 ini memang sudah ada, kita masukkan lagi cadangan ini, lagi akan jadi cadangan yang mati dan beku. Ahli Yang Berhormat tahu atau tidak, Yang Berhormat ini peguam pernah pergi ke mahkamah atau tidak? Susahlah bila ada urusan undang-undang tetapi tidak ada CLP, tidak ada 'call to the Bar', susahlah, tidak pergi praktis. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di sini, Tuan Pengerusi dahulu pun peguam juga, ini kena lawyer itu yang minta, kalau lawyer, saya pernah minta - dapat! Siapa kata tak pernah minta? Saya pernah minta semasa saya jadi peguam. Inilah lawyer, kalau pendakwa ataupun lawyer defendant boleh minta kepada mahkamah.

Sekarang kita masuk seksyen ini, besoklah kata Ahli Yang Berhormat pergi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka katalah besok kena reman, Ahli Yang Berhormat jadi lawyer, lawyer tak mengerti, tak minta, tak guna juga kita masukkan di dalam akta ini - tak guna! Sebab ini kita kena memohon, jadi, saya rasa yang dicadangkan ini tidak memberi makna langsung.

Dan kalau kita rasa kita tidak puas hati, kita boleh pergi under sivil. Macam kita assault, kita kena cedera, criminal kita boleh pergi, personal injury pun kita boleh saman di bawah sivil.

Tuan Pengerusi, jadi, kadang-kadang buang masa ini, berapa jam dia bercakap ini? Langsung tidak ada berfaedah! Tadi cadangan seksyen 8 yang dicadangkan hendak masuk, tak payah bercakap lagi orang sudah tahu dah, kalau mahkamah tengok orang itu tidak bersalah, dia lepaskanlah. Apa hendak dimasukkan di dalam akta ini lagi?

Tuan Pengerusi, saya ingat cadangan ini memang tidak bernas, memang tidak berfaedah dan

saya rasa Pembangkang yang membahaskan ini hendak tunjuk hebat tetapi sebenarnya tidak langsung memberi contribution, sumbangan kepada undang-undang jenayah yang kita bahaskan sampai dua hari. Dua hari ini dia seorang sahaja bercakap dekat lima jam, tetapi point tak ada, berpusing-pusing, meleret! Besok 'Telemedi', saya hendak melihat *Hansard* besok, kalau dia ulang lagi apa yang telah diperkatakan fasal 'Telemedi' besok, saya akan object. Jika bercakap, tunggulah satu-satu, itu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya memang tidak bersetuju cadangan yang mengarut ini untuk dimasukkan ke dalam rang undang-undang yang begini cantik, yang begini baik, yang telah dibuat oleh pihak kerajaan kita. Ini dia hendak marah kepada Peguam Negara, tadi dia kata Peguam Negara menyalahi Perlembagaan Negara, itulah satu tuduhan yang dahsyat. Tidak ada orang 'above the law', Raja pun sekarang ini boleh kita dakwa, I cabar you. Kalau you kata Peguam Negara ingin melebihi daripada kuasa Perlembagaan, samanlah dia! Malaysia prosecution ada!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Tuan Noh bin Omar:** Ini bercakap tak gunakan otak langsung! Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, minta secara ringkas, kita tidak ada masa. Saya mengharapkan rang undang-undang ini dapat diluluskan ini. Ya, sila.

6.12 ptg.

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Tuan Pengerusi, saya cuma secara ringkas hendak mengatakan di sini semasa membahaskan Fasal 8, saya cuma hendak mengemukakan dan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ada fasal-fasal di akta yang lain yang melindungi seorang pengguna komputer.

Dalam perbahasan itu sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengakui bahawa saya seorang pakar komputer, bukan seorang 'computer literate' yang dia selalu menghina-hinakan Ahli Parlimen di sini.

Ahli Parlimen pun cuma mengakui bahawa perlindungan yang sedia ada di dalam akta ini pun telah sedia ada, jadi, tak perlulah khuatir tentang Fasal 8.

Jadi, oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada jawapan kepada hujah-hujah yang

dikemukakan oleh saya, dia menggunakan 'under hand tactic', menggunakan 'personal attack' dan cuba menghinakan saya. Jadi, oleh sebab perbahasan yang tidak ada standard tadi itu, saya tidak mahu mengemukakan apa-apa pandangan buat sementara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, lima minit ya.

6.14 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, yang pertama saya tak kata Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pakar komputer, dia sendiri yang kata. Saya kata dia pengguna komputer, tetapi dia kata dia pakar komputer - baiklah, dia pakar komputer, tak apa. Tetapi majoriti dalam Parlimen ini bukan pakar komputer, bukan pengguna komputer.

Kedua, saya ada jawab mengenai Seksyen 8, Copyright Act - two copies dan world of computers anytime more than two copies - tidak apply.

Ketiga, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, dia kata semacam dia baru ada CLP tetapi nampaknya dia pergi Bar yang salah dan cara dia bercakap dalam Dewan ini nampaknya dia anggap ini sebagai 'kedai kopi' sahajalah. Dan saya rasa ini tidak ada apa-apa point, tetapi ini mustahak oleh kerana kalau mahu kita menghidupkan sistem itu untuk compensation, untuk criminal offences dan cara untuk menghidupkan antara lain ialah dengan pindaan yang telah saya cadangkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahuan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi disetujukan, dan tidak disetujukan.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.18 ptg.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai dan

untuk mengawalselia penggunaan tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tandatangan Digital ini adalah merupakan undang-undang berbentuk, dengan izin, Commerce Enabling Law yang perlu digubal untuk memudah dan melicinkan perniagaan dan transaksi elektronik (electronic transaction). Di bawah peruntukan-peruntukan akta tersebut, tandatangan digital mempunyai fungsi yang sama seperti tandatangan biasa bagi sesuatu dokumen elektronik dan boleh, pertama, mengesahkan identiti pengantar sesuatu perutusan elektronik dan kedua, mengesahkan integriti sesuatu perutusan. Dengan adanya pengiktirafan tandatangan digital di bawah akta ini, dokumen-dokumen elektronik boleh diterima sebagai dokumen sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan transaksi elektronik dilaksanakan, adalah perlu:

- (i) diwujudkan suatu proses pengiktirafan tandatangan digital dalam transaksi elektronik;
- (ii) diwujudkan sistem yang boleh dipercayai, (trustworthy system) dalam mencipta tandatangan digital dan pasangan kunci identiti.
- (iii) diwujudkan pihak berkuasa tertentu yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi supaya prosedur-prosedur yang ditetapkan dipatuhi; dan
- (iv) memberi perlindungan (legal recourse) bagi pengguna-pengguna sekiranya berlaku sebarang penyelewengan.

Berdasarkan kepada, antara lain, perkara-perkara tersebut di atas, peruntukan-peruntukan utama dalam rang undang-undang tersebut telah diwujudkan. Contohnya di bawah akta ini seseorang pengguna yang ingin melakukan transaksi elektronik dan berkehendakkan tandatangan digitalnya diiktiraf di sisi undang-undang hendaklah mendapat satu sijil atau perakuan bagi kunci awamnya dari pihak berkuasa pemerakuan (certification authority). Seorang Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan (Controller of Certification Authorities) akan dilantik untuk mengawasi aktiviti-aktiviti bagi pihak pemerakuan. Adalah wajib bagi semua pihak berkuasa pemerakuan untuk mendapatkan lesen. Fungsi pihak berkuasa pemerakuan adalah untuk mengeluarkan sijil atau

perakuan kepada seseorang pengguna selepas memastikan identitinya. Dalam menjalankan fungsinya, pihak berkuasa pemerakuan hendaklah menggunakan sistem yang boleh dipercayai. Di samping itu, pengguna-pengguna juga mempunyai kewajipan untuk menggunakan satu sistem yang boleh dipercayai dalam menghasilkan satu tandatangan digital dan seterusnya dalam menjaga keselamatan kunci persendirian (private key).

Suatu 'repository' yang diiktiraf oleh pengawal akan menjalankan fungsi penyimpanan dan menerbitkan sijil-sijil atau perakuan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengannya. Pengawal juga akan mengiktiraf perkhidmatan penanda tarikh dan masa (date and time stamp services) bagi membuktikan masa sesuatu dokumen itu ditandatangani. Sekiranya pihak berkuasa pemerakuan tidak mempunyai lesen, ia adalah melakukan kesalahan di bawah akta dan maka 'liability'nya tidak akan dihadkan di sisi undang-undang. Begitu juga jika sekiranya pasangan kunci yang digunakan tidak mempunyai perakuan daripada pihak berkuasa pemerakuan yang sama ada dilesen atau tidak, maka dokumen yang mempunyai tandatangan digital itu tidak akan dianggap sebagai dokumen asal dan bertulis. Fakta-fakta ini hendaklah dibuktikan secara lazim.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital ini telah disediakan berdasarkan kepada pengalaman daripada beberapa buah negara seperti di Amerika Syarikat, Jerman dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengenakan peruntukan mengenai dan untuk mengawalselia penggunaan tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Mentakab. 6.22 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997. Tuan Yang di-Pertua, era digital dan komputer telah

membawa banyak revolusi kepada cara kehidupan manusia. Salah satu yang mempunyai kesan yang meluas ialah cara manusia berhubung dan cara kita mengendalikan 'electronic record' iaitu maklumat dan data dalam bentuk elektronik optical atau magnetic, dengan izin. Dengan menggunakan 'digital computer', ia telah membolehkan kita menyimpan, mendapatkan semula, memindah dan melakukan kiraan dan lain-lain fungsi terhadap 'electronic record' yang diperolehi dengan cepat dan tepat. Tambahan pula, dengan perkembangan dan ciptaan baru dalam teknologi maklumat dan multimedia, saya percaya masyarakat kita akan kian menuju ke satu masyarakat 'paperless' atau sekurang-kurangnya 'less paper'.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedari bahawa data elektronik sentiasa menghadapi risiko di mana ia boleh diubah, dicuri dan dipalsukan dengan mudah dan selagi kita belum mencipta teknologi atau kaedah untuk melindungi data elektronik daripada risiko tersebut di atas dan pencerobohan tanpa kuasa, saya percaya masyarakat umum khususnya mereka di bidang korporat dan 'commerce' akan mempunyai keraguan dan reservation, dengan izin, dalam mengguna rekod atau dokumen elektronik sebagai asas dalam urusan perdagangan.

Namun demikian, saya yakin perkembangan atau teknologi baru sama ada hardware atau software kelak akan mengatasi halangan sedia ada dan memanfaatkan penggunaan rekod elektronik tetap akan jauh melebihi risiko yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan dokumen (record electronic) boleh diterima pakai di masyarakat perdagangan dan diterima di mahkamah sebagai satu bukti yang sah, saya berpendapat ia mesti mempunyai tiga ciri-ciri yang penting:

- (i) ia mesti boleh membuktikan identiti pengarang yang menghantar sesuatu dokumen (message);
- (ii) menentukan sama ada kandungan dokumen (message) yang dihantar telah diubah atau tidak; dan
- (iii) ia boleh membuktikan tarikh dan masa sesuatu dokumen (message) dihantar.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sepertimana telah dijelaskan mempunyai kaedah untuk memenuhi keperluan ciri-ciri tersebut di atas. Dan ia juga

mengandungi peruntukan untuk mengawalselia penggunaan tandatangan digital. Dalam mewujudkan tandatangan digital rang undang-undang ini telah bercadang mengguna "asymmetric cryptosystem" atau yang disifatkan sebagai "sistem kripto yang tak simetri" di mana ia akan mempunyai 'complementary' kunci awam dan kunci persendirian untuk melakukan fungsi inscription dan description, dengan izin, sesuatu mesej. Kononnya oleh kerana 'algorithms' sehala yang diguna amat complicated, dengan izin, maka secara matematik adalah mustahil untuk mana-mana pihak yang ingin menyalin atau memalsukan kunci persendirian.

Pendek kata, dengan kaedah dan sistem tersebut ia akan memastikan keperluan dan ciri-ciri ketiga-tiga iaitu yang pertama, yang juga boleh disifatkan ciri-ciri Nonrepudiation dan ciri kedua iaitu ciri yang bersifat Anthencity sesuatu dokumen dan yang ketiga tarikh dan masa ketiga-tiga ciri tersebut akan dipenuhi.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa sistem tersebut juga ada kelemahan tersendiri. Yang paling jelas ialah sistem ini

memerlukan satu sistem di mana kita perlu melantik 'certifying authority' untuk mengawal sesiapa yang ingin menggunakan tandatangan digital. Dalam proses tersebut ia akan melibatkan faktor manusia dan keperibadian pegawai-pegawai yang memberikan lesen kepada certification authority, dengan izin, adalah amat penting dan 'certification authority' tersebut telah pun ditanggungjawabkan supaya menjalankan pengawalseliaan dan juga penyelenggaraan terhadap kunci awam yang diberi tanda.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, boleh sambung minggu hadapan Yang Berhormat. Masa sudah cukup untuk hari ini.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

